

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI ISNIN : 11 DISEMBER 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang menerima manfaat daripada program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) antara tahun 2021 hingga 2023 serta apakah syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah murid yang menerima manfaat daripada program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) pada tahun 2021 adalah seramai 466,870 orang murid, tahun 2022 seramai 762,244 orang murid manakala tahun 2023 adalah seramai 753,752 orang murid. Manakala bagi bantuan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) pula, pada tahun 2021, seramai 124,848 orang murid telah menerima manfaat bantuan ini. Pada tahun 2022, bilangan penerima BKP adalah seramai 173,563 orang murid manakala pada tahun 2023, seramai 128,639 orang murid telah menerima BKP.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan bagi penerima RMT adalah seperti yang berikut:

- i. Murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tahun 6 yang bersekolah di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK);
- ii. Pendapatan Isi Rumah (PIR) keluarga murid adalah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional 2019 dalam kategori **miskin tegar** (pendapatan kurang daripada RM1169 dan per kapita RM310); atau
- iii. Murid di Sekolah Orang Asli/ Penan; atau
- iv. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang memegang Kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

NO SOALAN: 12

Murid yang tinggal di asrama adalah tidak layak menerima RMT kerana makanan telah disediakan di bawah Bantuan Makanan Asrama.

Manakala, bagi bantuan BKP, syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan bagi penerima BKP adalah seperti yang berikut:

- i. Murid warganegara Malaysia dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 (termasuk murid Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di semua SK dan SBK serta murid Tahun 1 dan Tahun 2 di Kolej Vokasional KPM yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum berdasarkan merit tahun semasa;
- ii. Jumlah pendapatan ibu bapa atau penjaga utama dan penjaga kedua berjumlah RM1,500 sebulan dan ke bawah; dan
- iii. Tidak menerima sebarang biasiswa atau elaun (insentif lain) secara bulanan daripada agensi kerajaan atau bukan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
menyatakan:

- (a) sebab mengapakah Malaysia masih tidak mencapai tahap sara diri (*self-sufficiency level, SSL*) untuk tanaman padi yang merupakan makanan ruji rakyat Malaysia; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai sasaran dan hala tuju untuk meningkatkan pengeluaran beras dalam tempoh masa yang terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian kadar sara diri (SSR) beras negara dan faktor ini terbahagi kepada dua kategori iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (luar kawalan). Antara faktor dalaman yang menyebabkan pencapaian SSR yang rendah adalah merangkumi isu berkaitan infrastruktur pengairan yang tidak lengkap dan kurang efisien, isu penyelenggaraan yang tidak teratur, pematuhan kepada *rice-check* yang tidak konsisten di kalangan pesawah, kekurangan penyertaan golongan muda dalam aktiviti penanaman padi (golongan pesawah yang semakin berusia) dan amalan pertanian tradisional yang masih diamalkan dalam penanaman padi negara. Manakala faktor luaran adalah disebabkan oleh pola penanaman padi di Malaysia yang bergantung sepenuhnya kepada sumber bekalan air hujan, musim kemarau panjang yang tidak menentu, serangan haiwan perosak dan serangan penyakit yang kerap serta perubahan cuaca yang tidak menentu di samping kesan pengambilalihan tanah sawah bagi tujuan komersial dan pembangunan.
- b) Oleh itu bagi menambah baik ekosistem sedia ada, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyasarkan SSR beras pada kadar 80% menjelang tahun 2030 selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan bagi maksud untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan, KPKM

sedang giat melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi negara melalui program-program berikut:

(i) **Menggalakkan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)**

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian memberangsangkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemutuan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) **Melaksanakan program SMART SBB Model Ala Sekinchan**

Program SMART SBB bagi model Ala Sekinchan telah terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan mengaplikasikan amalan pertanian baik daripada kawasan Sekinchan, Selangor. Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7.00 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar;

(iii) **Memperkasa infrastruktur pengairan dan saliran sawah padi**

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saliran sebanyak RM3 bilion melalui pelaburan swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;

(iv) **Menjalin kerjasama dengan Institusi Penyelidikan**

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut bekerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem;

(v) **Penggunaan benih padi sah**

Mengalakkan pesawah menggunakan benih padi sah yang berkualiti bagi mengelakkan berlakunya kejadian benih padi angin; dan

(vi) **Penggunaan teknologi moden**

Mengalakkan penggunaan teknologi moden dalam keseluruhan rantai padi dan beras.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah projek-projek pelancongan dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan yang telah diluluskan dan bilakah ia akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua permohonan cadangan projek baharu yang dikemukakan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan adalah berdasarkan keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam tempoh RMKe-11 hingga RMKe-12 (RP1 hingga RP3), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak 45 projek pembangunan dan penyelenggaraan kepada Negeri Kelantan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9,312,980.

2. Selain itu, di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), MOTAC juga telah mengangkat satu (1) permohonan projek daripada Kerajaan Negeri Kelantan untuk pertimbangan Kementerian Ekonomi iaitu Cadangan menaiktaraf kemudahan pelancongan di Kompleks Gua Ikan, Dabong, Kelantan. Projek yang diluluskan di bawah RP4 ini dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2024.

3. MOTAC bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu di Negeri Kelantan demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan secara berkala dan pengurusan pengoperasian diberi perhatian yang sewajarnya selepas projek dilaksanakan dan diserahkan kepada Agensi Pemilik. Pada masa yang sama, permohonan dan cadangan untuk menyelenggara dan menaik taraf kemudahan pelancongan yang dibawa untuk perhatian MOTAC juga akan

NO SOALAN: 14

dipertimbangkan berdasarkan kepada Garis Panduan Permohonan Projek Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak / Bangunan Warisan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai keanggotaan Jawatankuasa Semakan Kurikulum pendidikan di sekolah di bawah Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan kurikulum persekolahan di Malaysia kekal berkualiti dan relevan serta setaraf dengan negara maju yang lain. Dengan berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kurikulum persekolahan dibangunkan dengan hasrat untuk melahirkan generasi terdidik yang memiliki keunggulan dalam mendepani cabaran dan keperluan pembangunan negara pada masa akan datang.

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, KPM terbuka mendengar pandangan pelbagai pihak dan komited untuk melaksanakan penambahbaikan kurikulum bagi memastikan kurikulum sentiasa relevan. Dalam konteks penggubalan kurikulum, KPM sedang melaksanakan semakan semula kurikulum selepas kitaran kurikulum lengkap pusingannya. Pembangunan kurikulum persekolahan memerlukan masa dan dilaksanakan dengan mematuhi prinsip dan prosedur yang telah ditetapkan. Bagi tujuan semakan, KPM telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti persidangan dan sesi libat urus (SLU) untuk mendapatkan maklum balas serta pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan. SLU dalam semakan kurikulum persekolahan ini melibatkan pembuat dasar Bahagian KPM, pegawai JPN, pensyarah IPG, pensyarah IPTA, SISC+, guru-guru dan ibu bapa. Selain itu, Pengetua, Guru Besar, wakil-wakil industri dan pihak-pihak yang berkepentingan juga dilibatkan bagi memberi input masing-masing.

KPM juga telah mengadakan Tinjauan Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027 bagi mendapatkan input daripada semua lapisan masyarakat di Malaysia pada 25 Ogos hingga 15 September 2023.

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) merupakan agensi di KPM yang bertanggungjawab membangunkan Kurikulum Kebangsaan untuk dilaksanakan di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah. Pembangunan kurikulum ini akan melalui pelbagai peringkat jawatankuasa bagi memastikan penentuan reka bentuk kurikulum yang hendak dibangunkan berlandaskan dapatan analisis keperluan. Dalam menentukan reka bentuk kurikulum, perkara seperti objektif, pengalaman, kandungan dan hasrat pembelajaran dipertimbangkan. Pembangunan kurikulum baharu perlu mendapat kelulusan daripada mesyuarat berikut:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (JKK) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM);
- ii. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (MPKPM) yang dipengerusikan oleh KPPM;
- iii. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (MPTKPM) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPM (KSU); dan
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan.

NO SOALAN: 15

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, keanggotaan jawatankuasa bagi semakan kurikulum persekolahan terdiri daripada Pengurusan Tertinggi KPM, Pengarah dan Setiausaha Bahagian KPM, Pakar Bidang Kurikulum, Pegawai-pegawai Bahagian KPM, Pensyarah Universiti, Majlis Dekan Pendidikan (Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Institut Teknologi Mara dan Universiti Pendidikan Sultan Idris), SEAMEO RECSAM, SEAMEO SEN, Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Persatuan Guru Besar Malaysia (PGBM).

Selain itu pelbagai pihak juga dilibatkan bagi membantu KPM dalam melaksanakan semakan kurikulum persekolahan. Antaranya ialah Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) yang berperanan menyumbang idea dan pandangan dalam merangka serta menambah baik hala tuju pendidikan negara.

KPM yakin usaha yang dilakukan ini dapat memastikan setiap murid menerima pendidikan yang terbaik dan berkualiti serta melahirkan modal insan yang dapat memberikan kesejahteraan kepada negara dan global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi untuk meningkatkan jumlah Ahli Terapi Cara Kerja yang kini hanya berjumlah 1,885 sahaja di Malaysia dengan nisbah 1:17,777 penduduk berbanding dengan jumlah 16,000 Ahli Terapi Cara Kerja di Australia dengan nisbah 1:1,563 penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 30 September 2023, seramai 164 orang Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) dan 1,264 Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) sedang berkhidmat secara tetap manakala seramai 209 orang Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) berkhidmat secara lantikan kontrak di Kementerian Kesihatan.

2. Kementerian Kesihatan sentiasa meneliti keperluan perjawatan di semua fasiliti kesihatan dari masa ke masa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Buat masa ini, penentuan bilangan anggota Kementerian Kesihatan yang ditempatkan di setiap fasiliti kesihatan termasuk Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) dan Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) adalah berdasarkan norma, outfit dan perjawatan yang diluluskan mengikut keperluan setiap fasiliti kesihatan. Penelitian terhadap norma dan outfit perjawatan ini akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan:
 - (a) pola kedatangan harian pesakit;
 - (b) peratus kadar penggunaan katil hospital (*Bed Occupancy Rate*);
 - (c) perluasan capaian penggunaan ICT;
 - (d) keupayaan penyumberluaran perkhidmatan (*outsourcing*); dan
 - (e) perkongsian sumber di bawah konsep Hospital kluster.

3. KKM sedar akan keperluan pertambahan Ahli Terapi Cara Kerja di Malaysia (hanya 1,885 orang dengan nisbah 1:17,777 penduduk). Antara strategi yang telah dilaksanakan Kementerian Kesihatan bagi mengoptimum perkhidmatan dan menambah bilangan Ahli Terapi Cara Kerja adalah:
- (a) melalui pendekatan *lean management* dan aturan temujanji sistematik kepada pesakit;
 - (b) perkhidmatan rehabilitasi melalui Klinik Maya (*Virtual Clinic*);
 - (c) menambah keupayaan melalui tambahan lantikan kontrak ke jawatan tetap seramai 92 orang Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U29 pada 2023 dan pertambahan seramai 34 pelatih keluaran Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang dijangka dilantik secara kontrak pada tahun 2024 tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat;
 - (d) memohon pengisian jawatan kosong dengan segera, tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat;
 - (e) memohon pertambahan jawatan baharu Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) secara konsisten kepada Agensi Pusat; dan
 - (f) *remapping* taburan Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) di KKM.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan Import Permit (AP) kepada pengimport beras import bagi mengatasi masalah bekalan beras dalam negara sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan masih belum mempunyai cadangan untuk menambah bilangan AP kepada pengimport beras import. Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2020 telah bersetuju supaya konsesi Penswastaaan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dilanjutkan selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031. Di bawah konsesi ini, BERNAS perlu melaksanakan 10 Obligasi Sosial yang ditetapkan pada kos RM3.216 bilion dan sebagai balasan BERNAS dilantik sebagai pengimport tunggal beras import ke dalam negara. Pelanjutan konsesi ini adalah penting dan relevan dalam menyediakan sumber bekalan makanan utama iaitu beras adalah cukup dan terjamin.

Kerajaan sentiasa mencari inisiatif yang terbaik bagi memastikan kecekapan pengurusan beras negara mengambil kira kepentingan pelbagai pihak yang terlibat di sepanjang rangkaian nilai industri padi dan beras. Dasar pengimportan beras yang sedang dilaksanakan sentiasa dipantau oleh Kementerian khususnya bagi menangani cabaran semasa dan mendatang dengan berkesan. Dasar ini merupakan mekanisme utama yang telah memberikan keupayaan kepada negara untuk menghadapi cabaran ketidakstabilan harga beras antarabangsa. Ini adalah kerana dasar pengimport utama merupakan mekanisme yang berfungsi sebagai benteng untuk melindungi industri padi dan beras tempatan daripada terdedah kepada ketidaktentuan pasaran antarabangsa.

NO SOALAN: 17

Kerajaan turut menyemak prestasi dan keberkesanan penyampaian BERNAS dalam melaksanakan tanggungjawab serta obligasi yang diamanahkan kepada mereka melalui Jawatankuasa Pemantauan KPI BERNAS sebanyak dua (2) kali setahun.

Berdasarkan kepada perkara ini, sebarang keputusan mengenai perubahan dasar pengimport utama beras ini wajib mengambil kira kebajikan dan pendapatan para pesawah, kestabilan dan jaminan bekalan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik kadar keciciran pendidikan murid peringkat rendah dan menengah mengikut pecahan negeri dan kaum serta langkah-langkah penyelesaian ke arah sifar keciciran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada definisi keciciran iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan. Berdasarkan statistik KPM, kadar keciciran murid menunjukkan trend penurunan dari tahun 2018 kepada tahun 2023. Kadar keciciran murid pada peringkat rendah menurun daripada 0.15 peratus pada tahun 2018 kepada 0.06 peratus pada tahun 2023. Pada peringkat menengah pula, kadar keciciran menurun daripada 1.21 peratus pada tahun 2018 kepada 0.83 peratus pada tahun 2023.

Keciciran murid bumiputera di peringkat sekolah rendah KPM pada tahun 2018 adalah 0.64 peratus menurun kepada 0.21 pada tahun 2023 manakala bagi murid bukan bumiputera pula, peratus keciciran di sekolah KPM telah meningkat daripada sifar peratus pada tahun 2018 kepada 0.14 peratus pada tahun 2023. Bagi peringkat sekolah menengah pula, pada tahun 2018 murid cicir bumiputera adalah 2.18 peratus menurun kepada 1.52 peratus pada tahun 2023. Sementara murid cicir bukan bumiputera adalah 0.53 peratus pada tahun 2018 meningkat kepada 0.65 peratus pada tahun 2023.

KPM sentiasa memandang serius mengenai isu keciciran murid dan menjalankan pemantauan kepada murid berisiko cicir dan murid cicir. Intervensi turut dilaksanakan pada peringkat sekolah bagi memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara sehingga tamat persekolahan.

NO SOALAN: 18

KPM telah menyediakan sebanyak 18 jenis bantuan persekolahan bagi tahun 2023 yang terdiri daripada 13 jenis bantuan khusus dan lima jenis bantuan umum. Bantuan ini turut diagihkan untuk murid yang tercicir akibat kemiskinan seperti Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Bantuan Makanan Asrama (BMA), Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid Asrama (PPM) dan Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform (BPS). Selain daripada itu, pelbagai bantuan seperti pinjaman buku teks serta khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan disediakan bagi meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.

KPM juga melaksanakan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) supaya semua murid dapat kekal bersekolah terutamanya murid di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sekolah Model Khas K9 telah diperluas dari 12 buah sedia ada kepada 17 buah. Selain itu, KPM juga memperluaskan konsep K9 kepada sekolah komprehensif 11 (K11). Konsep Sekolah Model Khas K11 ini juga dijangka mampu mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tingkatan 3 ke Tingkatan 4. Sebagai permulaan, KPM telah memulakan program rintis K11 di SK RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang yang sekarang dikenali sebagai SMK RPS Betau khas bagi murid Orang Asli di kawasan tersebut. Di samping itu, program rintis ini juga dilaksanakan di SK Long Bedian, Baram, Sarawak.

Selain itu, KPM telah memperkenalkan program Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) bagi menawarkan pendidikan asas pada peringkat sekolah rendah hingga menengah kepada kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri atau murid tercicir persekolahan

atas faktor keluarga atau sosial ekonomi keluarga. KPM turut memberi akses pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri tetapi ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia. KPM juga telah membuat peluasan Program SBJK ke negeri Sabah di daerah Kota Kinabalu bermula 23 Oktober 2023. Pengambilan murid di program SBJK Kota Kinabalu Sabah ini memberi fokus kepada kanak-kanak yang tercicir berpanjangan daripada keluarga miskin tegar dan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri.

KPM turut menyediakan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC), modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) serta modul kajian kes dan amalan terbaik menangani isu murid berisiko cicir dan murid cicir sebagai panduan kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Sebagai langkah pencegahan murid cicir, GPMBC telah dikuatkuasakan mulai tahun 2018 ke semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Objektif GPMBC ini adalah untuk membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. GPMBC ini juga bertujuan untuk memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dilaksanakan oleh pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) iaitu Inisiatif #104: Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Peringkat Menengah Atas memfokuskan antara lain untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu keciciran murid di semua peringkat pendidikan di Malaysia. Bagi menyokong inisiatif ini, KPM telah melaksanakan Program Sifar Murid Cicir (PSMC)

sejak tahun 2018 hingga kini di semua PPD dengan kerjasama komuniti setempat. Objektif program *outreach* murid cicir ini adalah memberi intervensi berfokus bagi membantu murid cicir untuk kembali bersekolah. Pada tahun 2023, program ini telah berjaya mengembalikan seramai 1,269 orang murid sekolah rendah dan 2,006 orang murid sekolah menengah.

Menerusi pelaksanaan inisiatif Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), KPM berada dalam peringkat awal pembangunan Sistem Pengesanan (*tracking system*). Sistem tersebut dibangunkan untuk mengesan pergerakan kanak-kanak warganegara secara komprehensif meliputi keseluruhan sistem pendidikan negara termasuk institusi pendidikan swasta dan institusi pendidikan agama merangkumi murid cicir dan kanak-kanak yang tidak mendapat akses pendidikan. Sistem Pengesanan tersebut dijangka dapat beroperasi sepenuhnya menjelang 2025. Dengan adanya sistem ini, KPM mensasarkan untuk menyediakan intervensi yang lebih berfokus bagi memastikan lebih ramai murid mempunyai peluang untuk menghabiskan tempoh persekolahan mereka iaitu sehingga tingkatan lima.

KPM yakin semua usaha serta inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan ini dapat menangani keciciran murid dan memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara sehingga tamat tempoh persekolahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Banci Pertanian 2024 bagi menjamin sekuriti makanan negara memandangkan sudah hampir 18 tahun data ini tidak dikemas kini kerana kali terakhir bancian dibuat adalah pada tahun 2005.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

Banci Pertanian 2024 telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12) dengan kos keseluruhan berjumlah RM230 juta. Pelaksanaan Banci Pertanian pada 2024 adalah sejajar dengan resolusi *Food and Agriculture Organisation* (FAO), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mengesyorkan agar semua negara melaksanakan Banci Pertanian dengan kekerapan sekali dalam tempoh 10 tahun. Malaysia telah melaksanakan Banci Pertanian kali terakhir pada tahun 2005.

Tempoh pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah selama tiga tahun yang merangkumi kerja-kerja pra banci pertanian (tahun 2023), pelaksanaan banci pertanian (tahun 2024) dan pasca banci pertanian (tahun 2025). Namun, gerak kerja awalan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 telah bermula pada tahun 2022.

Banci Pertanian dilaksanakan untuk mendapatkan struktur dan ciri-ciri sektor pertanian yang holistik, komprehensif, relevan dan bertepatan masa pada suatu masa yang meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan dan pembalakan bagi pegangan pertanian (pertubuhan perniagaan, institusi dan isi rumah).

Selari dengan pemilihan pelbagai kaedah pembancian oleh negara maju, Malaysia akan mengguna pakai kaedah temuramah bersemuka melalui *Paper and Pen Interview* (PAPI) bagi Banci Pertanian 2024. Pelaksanaan mod pembancian ini adalah fleksibel dengan mengambil kira kebolehcapaian dan kesesuaian mengikut kategori responden (pertubuhan atau isi rumah).

Memandangkan Banci Pertanian akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selaku agensi pelaksana sedang giat menjalankan kerja-kerja berkaitan pra banci bagi memastikan matlamatnya tercapai.

Dapatan Banci Pertanian 2024 adalah penting bagi membantu agensi pusat dan kementerian berkaitan dalam perancangan pembangunan, penggubalan dasar sosio-ekonomi dan pelaksanaan program yang berkaitan sektor pertanian.

Melalui anjakan utama *High Growth High Value (HGHV 4): Pertanian dan Industri Asas Tani*, Kerajaan kekal komited untuk mengukuhkan kemandirian dan keterjaminan makanan serta meningkatkan daya saing sektor pertanian. Sehubungan itu, Banci Pertanian 2024 juga akan dapat memenuhi keperluan pelaksanaan hala tuju dan strategi yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0), Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan diagihkan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daripada RM1.9 bilion yang telah diperuntukkan untuk tujuan menaik taraf dan menyelenggarakan sekolah di seluruh negara dalam Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Perkara ini penting bagi memastikan murid-murid boleh belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

KPM menyambut baik peruntukan sebanyak RM1.9 bilion bagi tujuan menaik taraf dan penyelenggaraan sekolah yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui Ucapan Belanjawan 2024 yang dibentangkan pada 13 Oktober 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut, RM930 juta adalah diperuntukkan bagi kerja-kerja naik taraf bangunan dan prasarana daif di 450 buah sekolah di seluruh negara yang melibatkan 73 projek baharu dan 377 projek sambungan. Daripada jumlah tersebut terdapat satu (1) projek sambungan melibatkan SJKT iaitu di SJKT Dengkil, Selangor dengan kos projek berjumlah RM14.38 juta.

Manakala, sebanyak RM1 bilion adalah diperuntukkan untuk penyelenggaraan di semua jenis sekolah melibatkan sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah tamil dan sekolah cina termasuklah sekolah pendidikan khas dengan memberi tumpuan kepada keperluan pelajar autisme.

NO SOALAN: 20

Buat masa ini, agihan peruntukan penyelenggaraan secara terperinci masih dalam peringkat perbincangan dalaman KPM. Pihak KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan ini setelah perancangan agihan peruntukan dimuktamadkan. Penyaluran peruntukan ini adalah berdasarkan permohonan penyelenggaraan yang dikemukakan kepada KPM oleh sekolah melalui Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian. KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah berdasarkan keperluan (*needs-based*) mengikut permohonan dan susunan keutamaan, seterusnya memastikan peruntukan penyelenggaraan ini diagihkan sama rata kepada semua sekolah KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023**

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan:

- (a) kriteria pemilihan penerima geran Dana Kandungan Digital (DKD) Industri Muzik; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian memainkan peranan untuk merangsang dan menggalakkan penggiat industri seni kreatif yang berkecimpung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) sentiasa menyokong penggiat industri muzik tempatan menghasilkan karya yang berkualiti tinggi serta berdaya saing. Melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (MyCV) pelbagai program disediakan di bawah Dana Kandungan Digital (DKD) Industri Muzik bertujuan untuk membantu para penggiat industri muzik. Setiap program adalah terbuka kepada syarikat mahupun individu yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Antaranya ialah kompetensi pemohon, sumbangan dan impak kepada industri muzik di Malaysia, kesempurnaan kertas kerja dan cadangan projek, pelaksanaan pengurusan cadangan projek tersebut dan lain-lain.

MyCV telah membangunkan garis panduan mekanisme penilaian dan pemilihan penerima dana yang melibatkan tiga Jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Penilaian, Jawatankuasa Pelulus dan Jawatankuasa Pemantauan Projek yang berfungsi untuk menilai prestasi kemajuan projek penerima dana. Setiap jawatankuasa mempunyai ahli panel yang terdiri daripada penggiat industri, ahli akademik dan wakil Kerajaan/agensi.

Bagi menggalakkan penggiat industri seni kreatif menghasilkan karya yang berkualiti tinggi serta berdaya saing, pelbagai inisiatif dilaksanakan melalui program-program di bawah DKD Industri Muzik seperti Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa, Dana Keboleh Pasaran Domestik, Dana Pengiktirafan, Dana Persembahan Muzik dan lain-lain.

Bagi tahun 2023, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta di bawah program Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa sebagai sokongan dan galakan bagi projek berkaitan persembahan, penyertaan dalam pertandingan, pegiktirafan dan lain-lain di peringkat antarabangsa. Permohonan bagi dana tersebut dibuka sepanjang tahun. Antara penggiat industri kreatif yang telah menerima manfaat tersebut ialah Mior Luqman Hakim, Heerraa, Ketty Natalia, Santosh dan Sivabalan.

Melalui Dana Persembahan Muzik pula, penerima dana berjaya menganjurkan beberapa program muzik berskala besar seperti Konsert Barbarik Pentas Keras, Konsert Saujana 25 Tahun, Apresiasi Muzik Keroncong Malaysia, Konsert Double Trouble, Konsert Mega Zikir Terapi, dan Konsert Semangat Zaman yang berlangsung di Istana Budaya, KLPAC, PJPAC dan Zepp KL.

Selain itu, MyCV juga telah melaksanakan beberapa inisiatif lain seperti berikut:

- (i) Pemberian dana/geran melalui inisiatif PENJANA, PRISMA dan PEMULIH untuk penggiat industri seni kreatif menjalankan aktiviti seni. Mulai tahun 2019 hingga 2021, RM5.5 juta dana telah memanfaatkan lebih 500 penerima melalui Program Muzik Independen dan Karya Kilat;
- (ii) Program RIUH bertujuan untuk merancakkan pembangunan sosio-ekonomi industri kreatif negara sebagai sebuah platform yang menghimpun dan memberi peluang kepada penggiat-penggiat kreatif untuk mengetengahkan bakat serta produk mereka kepada masyarakat umum; dan

NO SOALAN: 21

- (iii) Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur (BASKL) yang merupakan satu platform digital untuk membantu mempromosi karya penggiat industri kreatif dan mendidik masyarakat secara umumnya mengenai aktiviti-aktiviti kesenian dan kreatif melalui penulisan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membaik pulih jalan raya dari Kampung Orang Asli Belau ke Pos Sinderut di Daerah Kuala Lipis, Pahang yang rosak teruk dan sangat bahaya untuk dilalui kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil maklum berkenaan kerosakan jalan yang menghubungkan Pos Sinderut dengan FT1504 (Jalan Tersang – Sungai Koyan) untuk ke bandar Kuala Lipis, Pahang. Justeru Kementerian akan membuat permohonan kepada Kementerian Ekonomi (EPU) bagi kelulusan peruntukan di bawah *Rolling Plan 5* (RP5) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jalan sepanjang 34km sepertimana Garis Panduan Jalan Perhubungan Desa (JPD) dengan kelebaran maksimum 5m sepertimana keperluan minimum MARRIS dengan anggaran kos projek sebanyak RM250 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini pihak Kementerian, JAKOA dan JKR dalam proses mendapatkan maklumat berkaitan sebagai dokumen sokongan bagi tujuan permohonan tersebut. Permohonan tersebut akan dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi (EPU) semasa sesi Pemeriksaan Bajet Pembangunan RP5 RMKe-12 kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu peniaga tanpa lesen yang menggunakan parkir sebagai tempat untuk berniaga yang mengganggu lalu lintas pada masa yang sama mengurangkan tempat parkir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima sejumlah 19 aduan melalui Sistem i-Tegur sehingga kini berkenaan kesalahan peniaga menggunakan parkir sebagai tempat untuk berniaga yang seterusnya mengganggu lalu lintas. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga telah mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga ini seperti mengenakan kompaun, menyita barang perniagaan dan memindahkan mereka ke kawasan perniagaan yang lebih sesuai dan selamat.

KPKT dengan kerjasama PBT juga sentiasa proaktif dalam memudahkan urusan permohonan lesen perniagaan kepada para peniaga tempatan tanpa premis iaitu yang menjalankan perniagaan di gerai-gerai kecil, tepi jalan dan lain-lain. Sehubungan itu, inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KPKT dan PBT adalah seperti berikut:

- i. pelaksanaan Manual Pelesenan PBT bagi tujuan memudahkan dan mempercepatkan tempoh pengeluaran lesen perniagaan kepada peniaga. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan ialah:
 - (a) kelulusan lesen perniagaan yang tidak berisiko dalam tempoh 24 jam seperti premis gunting rambut, kedai makan dan kedai pakaian; dan

- (b) kelulusan lesen perniagaan berisiko dalam tempoh 2 hingga 14 hari seperti lesen premis pusat hiburan, stesen minyak, bengkel kereta dan lain-lain yang perlu memenuhi syarat lesen serta sokongan agensi teknikal seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kesihatan dan sebagainya.

- ii. mempermudah dan mempercepat proses pengeluaran lesen dan permit perniagaan kecil melalui Garis Panduan Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh PBT melalui Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 3 Tahun 2008 yang menggariskan tindakan-tindakan PBT seperti berikut:
 - a) memudah cara urusan mengeluarkan permit perniagaan kecil dan memberi kelonggaran kepada syarat sedia ada sekiranya perlu;

 - b) memanjangkan tempoh masa dan hari perniagaan serta menambah petak-petak penjaja bagi perniagaan kecil yang dibenarkan di kawasan sedia ada sama ada pasar pagi, pasar malam atau pasar tani;

 - c) mengeluarkan permit kepada warganegara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga sepanjang masa; dan

 - d) melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala bagi memastikan aktiviti perniagaan kecil tidak menimbulkan masalah kacau ganggu.

- iii. pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan dalam pengurusan syarat lesen/ permit perniagaan dan kadar fi, perniagaan trak bergerak seperti penyediaan lokasi perniagaan dan jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, salah satu agenda utama di bawah KPKT adalah menyediakan kemudahan infrastruktur peniaga dan pengusaha tempatan di dalam kawasan PBT yang berpotensi besar dalam meningkatkan sumber hasil pendapatan PBT.

Bagi tahun 2023, KPKT telah meluluskan sejumlah 3,289 unit kiosk kepada 114 PBT bagi program inisiatif MyKiosk dengan kos sebanyak RM50 juta dan sehingga 28 November 2023, sebanyak 2,485 unit kiosk telah disiapkan. Program ini adalah bertujuan bagi menyediakan ruang perniagaan yang seragam, selamat dan selesa kepada peniaga-peniaga dengan tawaran kadar sewa yang rendah; meningkatkan sosio-ekonomi penduduk setempat serta menambah pendapatan tambahan PBT. Selain itu, KPKT juga telah meluluskan projek pembaikan, penyelenggaraan dan menaik taraf bagi peluasan Gerai MADANI melibatkan sebanyak 30 buah gerai/ medan selera di 29 PBT dan akan memanfaatkan lebih 200 peniaga daripada golongan B40 dengan peruntukan berjumlah RM15 juta.

Program ini memfokuskan kepada penambahbaikan penampilan dan infrastruktur medan selera sedia ada di bawah PBT terpilih yang didapati telah uzur dan tidak kondusif, di samping mengekalkan kadar sewaan tapak yang sama kepada peniaga walaupun selepas gerai atau medan selera Madani selesai dinaik taraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menarik lebih ramai petani muda bagi membantu Kerajaan meningkatkan hasil tanaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu insentif untuk golongan muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun yang disediakan di bawah Kementerian ialah melalui Program Agropreneur Muda. Ia merupakan program khusus bagi golongan muda untuk membantu dan menggalakkan golongan ini menceburkan diri dalam bidang pertanian. Program Agropreneur Muda menawarkan bantuan geran dalam bentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap penerima. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan muda mengurangkan kos permulaan projek-projek pertanian dan agromakanan. Skop projek pertanian di bawah program ini merangkumi projek tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Di samping itu, Kementerian juga turut menyediakan khidmat nasihat dan latihan-latihan teknikal agropreneur dalam semua subsektor agromakanan bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran untuk memastikan projek-projek yang dijalankan berjaya mengeluarkan hasil yang tinggi seterusnya dapat menjana pendapatan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian (BPKLP) juga telah merancang dan melaksanakan program promosi serta kursus untuk menarik lebih ramai petani muda bagi membantu Kerajaan meningkatkan hasil tanaman melalui:

- (i) Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK);

- (ii) Kursus-kursus jangka pendek seperti Kursus *Upskilling* dan *Reskilling* bagi bidang berkaitan teknologi moden; dan
- (iii) Program pendedahan di peringkat awal persekolahan sehingga ke peringkat pembangunan usahawan moden.

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK)

KPKM melalui 15 Pusat Bertauliah di seluruh Malaysia menawarkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) iaitu program yang menggalakkan generasi muda melibatkan diri di dalam bidang agromakanan sebagai pekerja separa mahir atau usahawan agromakanan melalui teknologi terkini bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor agromakanan negara. KPKM memantapkan pelatih dengan pengajaran dan pembelajaran berkaitan aplikasi teknologi moden dalam kurikulum pengajian seperti penggunaan teknologi drone, IoT, *vertical farming* dan penggunaan *close house* dalam tanaman dan ternakan.

Kursus-kursus jangka pendek seperti Kursus Upskilling dan Reskilling bagi bidang berkaitan teknologi moden.

KPKM juga telah memperkenalkan dan melaksanakan Kursus-kursus jangka pendek seperti Kursus *Upskilling* dan *Reskilling* bagi bidang berkaitan teknologi moden yang dilaksanakan oleh KPKM melalui Jabatan/Agensi bawahnya terutama dalam teknologi drone dan automasi, fertigasi dan *vertical farming*, teknologi IoT, kilang tanaman, *close house* ternakan, penggunaan baja pintar, IoT dalam pembenihan udang galah, penggunaan teknologi *Recirculating Aquaculture System* (RAS) dan *Cheap Efficient Nursery Tank System* (CENTs) dalam akuakultur, penternakan ikan secara super intensif dan lain-lain lagi.

Program pendedahan di peringkat awal persekolahan sehingga ke peringkat pembangunan usahawan moden.

Program pendedahan di peringkat awal persekolahan sehingga ke peringkat pembangunan usahawan moden turut dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Program pendedahan kepada pelajar sekolah dan juga program kerjaya dalam bidang pertanian; dan
- (ii) Program kesedaran kepada pelajar-pelajar sekolah (Program MyGreen Team Dana Yayasan Pelajaran Peladang (Sekolah Angkat) dalam bidang pertanian.

Kementerian juga sentiasa meneroka ruang dan peluang baharu untuk berkolaborasi dengan para pemegang taruh dalam mengenengahkan para belia yang berpotensi dalam bidang pertanian. Untuk menyokong dan terus memupuk semangat para belia menceburi bidang pertanian, Kementerian bersama-sama pihak Agrobank dan beberapa universiti tempatan telah melaksanakan projek kerjasama strategik iaitu Program Pembangunan Agropreneur Muda Siswazah. Program kerjasama ini dapat memberi peluang kepada para belia khususnya dalam golongan siswazah yang masih menuntut untuk mendapat pengalaman secara langsung, *hands-on experience*, dengan izin, dari segi teknik dan teknologi pertanian dan juga pemasaran hasil pertanian.

NO SOALAN: 21

Kementerian akan terus berusaha dan memperkuat lagi Program Agropreneur Muda dari masa ke masa dalam usaha membantu para belia yang berbakat dan berpotensi untuk bergelar agropreneur muda yang dapat menghasilkan produktiviti pertanian seterusnya menyumbang kepada usaha keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK SERI PROF. EMERITUS DR.
AWANG BIN SARIYAN**
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK SERI PROF. EMERITUS DR. AWANG BIN SARIYAN minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil untuk membantu pemohon taraf kewarganegaraan memenuhi syarat menguasai bahasa kebangsaan pada tahap 'yang memadai' seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan, misalnya kursus dan ujian khas bahasa kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengetahuan yang memadai dalam Bahasa Melayu merupakan salah satu syarat pertimbangan bagi permohonan kewarganegaraan secara naturalisasi di bawah Perkara 19, Perlembagaan Persekutuan. Tatacara penentuan tahap pengetahuan Bahasa Melayu telah digariskan dalam Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964, manakala pengujian terhadap pengetahuan Bahasa Melayu pemohon kewarganegaraan dilaksanakan berpandukan “Peraturan-Peraturan Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu Bagi Pemohon-Pemohon Untuk Sijil Kewarganegaraan” yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1972.

Walau bagaimanapun, berkuatkuasa pada 1 Mac 2017 modul baharu Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) telah dibangunkan meliputi 12 tema iaitu kenegaraan, sosial dan budaya, ekonomi, politik, pendidikan, kesihatan, keselamatan, keagamaan, nilai-nilai murni, sastera dan bahasa, alam sekitar serta informasi dan teknologi. Dengan ini, pengujian pengetahuan Bahasa Melayu pemohon kewarganegaraan diperkembangkan agar lebih berstruktur, seragam, dan selaras dengan perkembangan semasa negara.

NO SOALAN: 25

Bagi mengukur tahap penguasaan Bahasa Melayu, pemohon perlu menjalani Ujian UPBM ini di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Pemohon akan dimaklumkan tarikh pelaksanaan UPBM dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh permohonan. Pemohon juga akan diberikan penerangan mengenai kaedah pelaksanaan UPBM bagi membolehkan pemohon membuat persediaan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyediakan mahkamah dan hakim-hakim yang benar-benar berpengetahuan tentang adat istiadat Bumiputera Sarawak di peringkat tertinggi Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes berkenaan adat dan bumiputera adalah perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan bukan Kerajaan Persekutuan. Bagi kes yang melibatkan adat dan bumiputera Sarawak, kes-kes sedemikian akan didengar dan dibicarakan oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak. Mahkamah Bumiputera Sarawak adalah sebuah institusi perundangan dan kehakiman negeri yang terletak di bawah Kerajaan Negeri Sarawak. Ia diwujudkan di bawah Native Courts Ordinance 1992 dan beroperasi sebagai sebuah Unit di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Mahkamah ini berfungsi untuk mendengar dan memutuskan apa-apa pertikaian yang melibatkan undang-undang bumiputera dan adat.

2. Sehubungan dengan itu, apa-apa cadangan untuk menyediakan mahkamah dan hakim-hakim yang benar-benar berpengetahuan tentang adat istiadat Bumiputera Sarawak di peringkat tertinggi juga adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan bukan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 11 DISEMBER 2023**

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) apakah usaha Kerajaan untuk menambah hasil pendapatan negara;
dan
- b) adakah cukai seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan diperkenalkan semula dengan kadar percukaian yang lebih rendah atau terdapat pengecualian terhadap barang-barang tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam usaha menambah hasil pendapatan negara dan antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- a) Langkah mobilisasi hasil termasuk meluaskan asas hasil cukai; menambah baik dan menyemak semula struktur dan perundangan cukai; serta pemberian insentif percukaian. Kerajaan juga akan melaksanakan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) bagi memastikan perancangan cukai jangka sederhana adalah lebih teratur dan sepadan dengan perbelanjaan. Di samping itu, Kerajaan juga telah menggubal Akta Tanggungjawab Fiskal yang telah diluluskan di Dewan Rakyat yang dijangka dapat mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal negara;

- b) Di dalam Belanjawan 2024 pula, Kerajaan telah mengumumkan peningkatan kadar cukai perkhidmatan dari 6% ke 8%, tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi. Kerajaan juga akan meluaskan skop perkhidmatan bercukai meliputi perkhidmatan logistik, pembrokeran, penajajaminan dan karaoke. Kedua, Kerajaan akan menguatkuasakan pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat tempatan berdasarkan keuntungan bersih pada kadar 10 peratus mulai 1 Mac 2024.

Kerajaan turut mempertimbangkan pengecualian Cukai Keuntungan Modal ke atas pelupusan saham berkaitan aktiviti tertentu seperti *Initial Public Offering* (IPO) yang diluluskan, penstrukturan dalaman dan syarikat modal teroka tertakluk kepada syarat ditetapkan. Ketiga, Kerajaan akan menggubal perundangan baharu bagi melaksanakan Cukai Barang Bernilai Tinggi pada kadar 5 hingga 10 peratus ke atas barang bernilai tinggi tertentu seperti barang kemas dan jam tangan berdasarkan nilai ambang harga barangan.

- c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan sebarang cukai penggunaan baharu atau mengembalikan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Memandangkan Kerajaan berhasrat untuk menjalankan rasionalisasi subsidi pada tahun 2024, adalah wajar sebarang keputusan berhubung reformasi sistem cukai penggunaan ditangguhkan sehingga rasionalisasi subsidi itu dijalankan. Pendekatan ini bertujuan untuk menguruskan kestabilan kedudukan ekonomi Malaysia susulan langkah rasionalisasi subsidi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pelan tindakan bagi menaik taraf Geopark Kebangsaan Jerai menjadi Geopark Global setaraf dengan Pulau Langkawi dan Gunung Kinabalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jerai Geopark telah mendapat pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan yang pertama pada 18 Julai 2017. Pengiktirafan Jerai Geopark sebagai geopark kebangsaan telah dinilai semula pada tahun 2021 dan telah lulus penilaian tersebut. Jerai Geopark Kebangsaan berkeluasan 816 kilometer persegi dan mengandungi 24 geotapak, 3 tapak geoarkeologi, 1 tapak biologi serta 7 tapak sejarah dan budaya.

2. Kejayaan Jerai Geopark sebagai geo pelancongan dapat dilihat di geo tapak Puncak Jerai (Padang Tok Sheikh, Telaga Tok Sheikh, Batu Kapal, Sungai Teroi dan tapak pemandangan indah Puncak Jerai), geo tapak Pantai Merdeka - Bukit Penjara dan geo tapak Pulau Songsong dan Pulau Bidan.

3. Geopark Kebangsaan layak dicalonkan sebagai UNESCO *Global Geopark* (UGGp) selepas dua (2) tahun diperakukan sebagai Geopark Kebangsaan. Tindakan pengesahan (*affirmative action*) diperlukan bagi mengangkat Geopark Kebangsaan menjadi UGGp seperti berikut:

- i. kajian saintifik untuk menunjukkan warisan geologi luar biasa bernilai antarabangsa atau *outstanding universal value* (OUV);
- ii. menerbitkannya dalam jurnal berkualiti di peringkat antarabangsa; dan

- iii. menyediakan dossier mengikut garis panduan Majlis UGGp secara professional.

4. Permohonan menjadi UGGp perlu dikemukakan kepada UNESCO Paris oleh Pengurus Geopark melalui Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM). Untuk memudahkan pengiktirafan di peringkat UNESCO, geopark kebangsaan yang dicalonkan sebagai UGGp, mestilah berbeza dari aspek kriteria geologi dan geomorfologi yang unik, perbezaan identiti khusus lain (biologi dan budaya) serta geografi kawasan yang berasingan daripada UGGp sedia ada di dalam dan luar negara.

5. Kementerian ini melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menerbitkan Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 (PPGN) sebagai garis panduan kepada pihak berkepentingan untuk menggerakkan pembangunan geopark untuk diangkat sebagai Geopark Kebangsaan dan ke peringkat antarabangsa sebagai UGGp.

6. Justeru itu, Kementerian ini ingin menyarankan agar pihak Pengurusan Jerai Geopark dan Kerajaan Negeri Kedah khususnya, menjadikan PPGN sebagai rujukan utama dan panduan dalam mengorak langkah untuk mengangkat Jerai Geopark sebagai UGGp kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi bagi melonjakkan prestasi pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di seluruh negara dengan memberikan fokus terhadap kecemerlangan Gred Purata Individu (GPI) serta pendedahan aktiviti kokurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa positif memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) diurus dengan berkesan bagi meningkatkan keberhasilan pembelajaran dan melonjakkan prestasi murid di sekolah KPM khasnya sekolah berasrama penuh (SBP).

Untuk makluman Yang Berhormat, ke arah melonjakkan prestasi murid SBP, KPM telah mengambil inisiatif melalui pendekatan terbeza (differentiated) dengan mengambil kira minat dan kecenderungan murid (psikometrik) dalam melaksanakan PdP. Di samping itu juga, pemberdayaan pembelajaran yang berpusatkan murid dalam dunia pendidikan digital merupakan antara strategi KPM untuk memberi fokus terhadap kecemerlangan murid di mana murid berupaya mengguna pakai teknologi digital untuk pembelajaran serta memanfaatkan inovasi dan transformasi digital di sekolah.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mempunyai peranti bagi menyokong pelaksanaan PdP yang menggunakan teknologi digital di samping mengurangkan jurang digital. Walau bagaimanapun, bagi yang tidak memiliki peranti, SBP menyediakan peralatan tersebut untuk kegunaan murid dalam PdP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu inisiatif di bawah Teras 4 Dasar Pendidikan Digital (DPD) KPM adalah memberikan tumpuan kepada penyediaan akses kepada peranti digital untuk setiap

murid melalui pelbagai mekanisme. Pada masa yang sama, KPM sentiasa bekerjasama dengan rakan strategik dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang dapat menyumbang kepada pemilikan peranti dalam kalangan murid.

KPM dari semasa ke semasa berusaha melestarikan kecemerlangan pendidikan dalam membina pemimpin pelapis negara melalui penyertaan program atau aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara program atau aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. *Fully Residential School International Symposium (FRSIS).*
2. *Malaysia International Young Inventors Olympiad (MIYIO) 2023.*
3. Karnival Bahasa Antarabangsa SBP Kementerian Pendidikan Malaysia 2023.
4. Program *Nurturing Future Leaders (NFL)* SBP Kebangsaan.
5. *Apple Distinguished Schools in-person Leadership Academy and Virtual Summit*

KPM sentiasa positif dalam memastikan setiap perancangan dan strategi yang dibuat adalah selaras dengan aspirasi pendidikan di Malaysia ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah statistik pesakit mental dalam kalangan murid atau pelajar sekolah dan apakah langkah yang telah dijalankan bagi membendung keadaan ini daripada terus meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada statistik Pusat Informatik Kesihatan, KKM, bilangan kes penyakit mental di kalangan kanak-kanak yang mendapatkan rawatan di hospital menunjukkan peningkatan sejak 10 tahun yang lepas. Pada tahun 2022, sebanyak 1,326 kes penyakit mental di kalangan kanak-kanak berbanding 2013 iaitu 733 kes. *National Health Morbidity Survey* juga menunjukkan peningkatan prevalen kemurungan dalam kalangan remaja iaitu 17.7% pada tahun 2012 kepada 26.9% pada tahun 2022.
2. KKM amat prihatin dan menyedari bahawa isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak merupakan satu agenda penting yang perlu diberi perhatian serius. Justeru, KKM telah memulakan pembangunan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja. Pelan ini akan melibatkan pelbagai pemegang taruh daripada pelbagai sektor seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), universiti-universiti awam dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan antarabangsa seperti WHO dan UNICEF. Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kanak-kanak ini adalah penting kerana tanggungjawab menjaga Kesihatan Mental tidak terletak pada bahu KKM semata dan ia memerlukan penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak.

3. Selain itu, terdapat beberapa inisiatif yang sedang dilakukan:

a) Program Minda Sihat di institusi pendidikan

Program Minda Sihat di institusi pendidikan merupakan kerjasama KKM dengan KPM bagi meningkatkan kesejahteraan mental golongan kanak-kanak dan remaja. Program ini bertujuan untuk memperkasa daripada aspek psikososial dan kesejahteraan emosi serta menerapkan elemen kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan resilien dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Bagi individu yang disaring dan dikenal pasti memerlukan intervensi, mereka akan dirujuk untuk penilaian dan rawatan lanjut.

b) Sesi Advokasi Melalui Aktiviti Promosi Kesihatan Mental kepada Kumpulan Sasar

Sesi advokasi kesihatan mental ini adalah melibatkan kumpulan sasaran di peringkat sekolah dengan menerapkan komponen kesihatan mental ke dalam sistem pendidikan melalui penyampaian pengetahuan, sikap dan kemahiran yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak dan remaja. Strategi ini dirangka untuk meningkatkan kesejahteraan kesihatan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja.

c) Sesi Libat Urus bersama Agensi yang berkaitan

Sesi libat urus (*engagement*) juga telah dilaksanakan bersama pelbagai Kementerian dan agensi seperti KPM, Kementerian

Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) di bawah Kementerian Belia dan Sukan serta pihak NGO seperti NGO Child Care bagi menangani isu permasalahan kesihatan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja secara bersepadu.

d) Intervensi Kesihatan Mental di Kalangan Kanak-Kanak Program Perumahan Rakyat (PPR)

KKM juga bekerjasama rapat dengan NGO dalam melaksanakan aktiviti advokasi kepada komuniti khususnya kanak-kanak di PPR dalam aspek penjagaan kesihatan mental. KKM telah bekerjasama dengan UNICEF melalui program Myhealthymind@PPR yang telah dilancarkan pada 18 Mac 2023.

Program ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat khususnya yang tinggal di PPR berkenaan kesihatan mental, mengurangkan stigma masyarakat terhadap kesihatan mental, menggalakkan masyarakat untuk mendapatkan sokongan dan bantuan berkaitan kesihatan mental daripada saluran-saluran yang betul serta mempromosikan saluran yang boleh digunakan untuk mendapatkan sokongan dan bantuan berkaitan kesihatan mental.

e) Latihan Pencegahan Kecelakaan

Selain itu, KKM telah melaksanakan latihan secara berkala yang bertujuan meningkatkan kemahiran anggota kesihatan primer seperti pakar perubatan keluarga, pegawai perubatan dan paramedik bagi pengendalian kes-kes penderaan kanak-kanak dan remaja. Latihan turut diberikan kepada guru-guru dan ibu bapa bagi meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan penderaan dan keganasan rumah tangga.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023**

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pengambilan pekerja tempatan menjadi salah satu prasyarat utama bagi setiap kelulusan pelaburan langsung asing (FDI) dan apakah Kerajaan ada menetapkan kuota pengambilan pekerja tempatan serta kadar gaji yang setara bagi semua FDI yang masuk di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan syarat penggajian guna tenaga pekerja rakyat tempatan sekurang-kurangnya 80% (Syarat 80:20) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) di dalam kelulusan Lesen Pengilang dan galakan cukai bagi projek perkilangan bermula pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, MITI telah melanjutkan tempoh pematuhan syarat tersebut sehingga 31 Disember 2024 berikutan permintaan pihak industri masih terkesan susulan pasca Covid-19 dan isu kekurangan tenaga kerja tempatan.

Sistem levi berperingkat (*multi-tier levi*) untuk pekerja asing akan dilaksanakan sebelum hujung tahun 2024 seperti yang diumumkan YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2024, yakni untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing di mana ia melibatkan kadar levi yang lebih tinggi bagi majikan yang menggaji bilangan pekerja asing yang lebih ramai. Usaha ini juga dilakukan bagi memastikan peluang pekerjaan untuk warga tempatan serta peralihan kepada automasi dan mekanisasi, selain meneruskan dasar pekerja asing tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah tenaga kerja. Hasil kutipan levi tersebut juga akan digunakan untuk manfaat majikan bagi automasi atau latihan pekerja tempatan.

NO SOALAN: 31

Sebagai Agensi Kawal Selia (AKS) bagi sektor pembuatan, MITI sentiasa mendokong polisi Kerajaan yang memberi keutamaan terhadap penciptaan peluang pekerjaan bagi pekerja-pekerja tempatan, serta menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi yang berteraskan automasi dan teknologi selari dengan Aspirasi Pelaburan Negara (*National Investment Aspiration - NIA*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN
YUSOF
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah indikator bahawa Aspirasi Malaysia MADANI telah dilaksanakan dan dijadikan sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) kepada setiap Kementerian.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penetapan indikator Malaysia MADANI adalah berdasarkan kepada perkhidmatan/program utama kementerian dan agensi di bawah tanggungjawab mereka. Selaras dengan penetapan tersebut, prestasi setiap Ahli Jemaah Menteri akan dinilai berdasarkan tiga (3) elemen utama, iaitu: Penilaian Prestasi kementerian/jabatan, Penilaian Kepimpinan berdasarkan keberkesanan keberhasilan inisiatif, serta Penilaian Persepsi Awam.
2. Selain itu bagi tahun 2024, **Kerangka Strategik Malaysia MADANI** (KSMM) yang ditunjangi Agenda Malaysia MADANI dengan visi untuk membina sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera menjelang tahun 2030 telah diperkenalkan. KSMM adalah instrumen yang menggabung, memeta dan menyusun strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang di bawah dasar-dasar utama negara seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK-12).

3. Kerangka KSMM merupakan kerangka rujukan bagi semua kementerian dalam memeta strategi bagi menyumbang kepada pencapaian tujuh (7) sasaran yang ditetapkan dalam Ekonomi MADANI. Inisiatif-inisiatif kementerian yang dimasukkan di dalam KSMM ini akan dipantau pelaksanaannya dari semasa ke semasa bagi memastikan KPI yang ditetapkan berjaya dicapai.

4. KSMM juga diperkuatkan dengan sasaran yang telah ditetapkan di dalam **Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat** yang merupakan dokumen induk yang menggariskan keutamaan-keutamaan yang akan dilaksanakan dari pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial dan politik yang bertujuan untuk melonjak ekonomi Malaysia dan mempertingkatkan tahap kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan pekerja di industri perabot yang makin serius dan adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk membenarkan industri tersebut mengambil pekerja asing untuk menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mempromosikan automasi serta mekanisma lain untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam industri pembuatan termasuk industri perabot. Di antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- a. Menggalakkan penggunaan automasi dalam kalangan syarikat-syarikat di sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian melalui Elaun Modal Automasi (*Automation Capital Allowance – Automation CA*). Syarikat layak mendapat elaun automasi sebanyak 200% ke atas RM10 juta bagi perbelanjaan automasi dan digitalisasi. Insentif Elaun Modal Automasi ini telah diperkenalkan pada Bajet 2015 dan telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027 di dalam Bajet 2023;
- b. Meningkatkan keupayaan pelabur tempatan melalui Dana Intervensi *Industry4WRD* bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang telah melalui program *Industry4WRD Readiness Assessment* bagi mengadaptasi digitalisasi dan automasi dengan mengaplikasi teknologi Industri 4.0 di dalam operasi syarikat. Dana ini menyediakan geran padanan kepada syarikat yang layak dengan nisbah 70:30, tertakluk kepada jumlah maksimum RM500,000 bagi setiap syarikat. Syarikat yang layak akan menerima pendahuluan sebanyak 30 peratus daripada jumlah geran yang diluluskan untuk memulakan projek;

NO SOALAN: 33

- c. Melaksanakan *Lean Management Programme* di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing dan menggalakkan perubahan syarikat ke arah operasi yang lebih efisien;
- d. Memperkenalkan *Soft Loan Scheme for Automation and Modernization (SLSAM)* di bawah *Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)* bagi membantu syarikat pembuatan mengautomasikan dan memodenkan proses. SLSAM adalah untuk membantu mengurangkan kos automasi dengan menawarkan kadar keuntungan pembiayaan tetap yang rendah (serendah 4%), tempoh pembayaran balik yang lebih lama (sehingga 10 tahun untuk mesin/peralatan dan pembiayaan yang lebih tinggi (sehingga RM20 juta);
- e. Memperkenalkan Program Skim Jaminan Proses Automasi (SJPA) di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) yang merupakan syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Program ini bertujuan untuk memberikan jaminan dan ransangan kepada syarikat PKS dalam mengaplikasikan automasi di dalam pengoperasian syarikat. Sejumlah RM3billion telah diperuntukkan bagi program ini bermula daripada 1 Februari 2020 hingga 31 Disember 2035; dan
- f. Menyediakan dana pinjaman sebanyak RM2billion kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di bawah Bank Negara Malaysia (BNM). Dana pinjaman ini diperkenalkan di dalam Bajet 2023 untuk menggalakkan proses automasi, digitalisasi dan amalan

hijau dalam perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan syarikat.

Kerajaan sentiasa menyeru pihak industri untuk memanfaatkan inisiatif yang telah ditawarkan dalam mengaplikasikan automasi serta mekanisma lain untuk meneruskan kapasiti pembuatan sesuai dengan permintaan sedia ada dan pada masa yang sama, merancang *exit plan* untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Selain itu, pihak industri digesa untuk bekerjasama dengan MARii untuk mendapat tenaga kerja tempatan atau PERKESO dalam mengoptimakan permohonan pekerja melalui platform MyFutureJobs serta mendapatkan insentif penggajian pekerja tempatan seperti yang ditawarkan oleh kerajaan.

Selaras dengan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy - NIP*) yang holistik dan memberi penekanan kepada elemen *Enviromental, Social and Governance (ESG)*, Kerajaan akan terus mendokong usaha memartabatkan standard perburuhan negara. Dalam hal ini, Kerajaan telah membangunkan rangka kerja *Industry Enviromental, Social and Governance (i-ESG)* bagi sektor pembuatan untuk membantu industri menggunakan amalan ESG yang dijangka siap hujung tahun ini.

Sebarang rancangan untuk membenarkan industri pembuatan mengambil pekerja asing adalah tidak selari dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dimana antara salah satu matlamat di dalam pelan ini adalah untuk meningkatkan ekonomi kompleks dan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi. Antara aspirasi NIMP 2030 yang utama adalah dengan mempercepatkan peralihan

daripada industri berintensif buruh dan pekerja asing kepada industri yang lebih berintensif modal yang memerlukan lebih banyak kemahiran oleh pekerja tempatan. NIMP 2030 juga telah menyasarkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan untuk rakyat dengan gaji penengah setinggi RM4,510 sebulan pada akhir tempoh pelaksanaannya. Gaji penengah sektor perkilangan dijangka meningkat 128 peratus, iaitu daripada RM1,976 pada 2021 kepada RM4,510 (2030).

Dengan peningkatan gaji penengah ini, pertumbuhan guna tenaga tempatan juga dijangka meningkat 2.3 peratus berbanding 2023, manakala peluang pekerjaan bertambah kepada 3.3 juta orang menjelang 2030. Justeru, ia dapat mengatasi masalah kekurangan pekerja di industri pembuatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kemasukan pelajar ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di sekolah-sekolah berasrama penuh (SBP) di Negeri Sembilan bagi tahun 2022 dan 2023 mengikut kelas pendapatan isi rumah dan apakah aspek-aspek yang telah dinilai dalam memuktamadkan segregasi pelajar mengikut SBP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha secara berterusan agar sekolah berasrama penuh (SBP) kekal relevan dan wadah terbaik dalam menjana insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, kemapanan sahsiah, kesejagatan kepemimpinan dan kejituan patriotisme bagi melahirkan ahli sains, teknokrat dan profesional yang dapat memenuhi aspirasi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan murid ke SBP berdasarkan permohonan. Untuk itu, bagi jumlah keseluruhan penawaran kemasukan murid Tingkatan 1 bagi sesi akademik 2022/2023 di SBP Negeri Sembilan adalah 1,140. Seramai 576 murid (50.53%) daripada jumlah keseluruhan tersebut mewakili keluarga B40.

Bagi murid Tingkatan 4, jumlah penawaran kemasukan bagi sesi akademik 2022/2023 di SBP Negeri Sembilan adalah 137. Seramai 37 murid daripada jumlah keseluruhan tersebut mewakili keluarga B40. Di samping itu, bagi kemasukan murid ke Tingkatan 4, dasar sedia ada tidak memfokuskan kepada Kumpulan Pendapatan Keluarga murid, di mana pemilihan adalah berfokuskan kepada pencapaian dan kelayakan murid untuk penempatan di SBP. Tambahan pula, pengambilan murid ke Tingkatan 4 adalah menggunakan mod pengisian kekosongan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memperkenalkan satu pentaksiran standard iaitu Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) yang dilaksanakan secara berpusat untuk kemasukan ke sekolah

NO SOALAN: 34

khusus. Sekolah Khusus ini termasuk SBP, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional (KV) bawah pengurusan KPM serta Maktab Tentera Diraja (MTD) bawah pengurusan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Selain murid mencapai aras toleransi PKSK yang ditetapkan, terdapat komponen lain yang digunakan dalam penentuan merit pemilihan kemasukan ke SBP iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan status sosial ekonomi (SES). Justeru pentaksiran ini adalah bersifat holistik dalam menentukan potensi murid yang dipilih bagi kemasukan ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di SBP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kementerian berhubung pendedahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM), YDH Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berhubung gaji permulaan Konstabel Polis (YA1) sebanyak RM1,441.00 sahaja yang berada di bawah paras gaji minima RM1,500.00 yang ditetapkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat berterima kasih atas keprihatinan YB Senator berhubung kebajikan anggota polis. Untuk makluman, gaji pokok yang diterima oleh seseorang anggota polis YA1 adalah sebanyak RM1,441.00 sebulan dan bukanlah satu amaun yang statik kerana mereka akan menerima Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) apabila genap setiap tahun perkhidmatan, tertakluk kepada prestasi pegawai. Setiap anggota polis menerima emolomen iaitu gaji pokok, imbuhan tetap dan kemudahan serta lain-lain elaun yang diberi berdasarkan penugasan, kepakaran dan risiko tugas yang kesemuanya melebihi paras gaji minimum berjumlah RM1,500 yang ditetapkan oleh Kerajaan. Contohnya elaun yang diterima seperti Bayaran Insentif Mengikut Lokasi Kesusahan (BIMLTK) berjumlah RM500 hingga RM1,500 sebulan bagi anggota yang ditetapkan di 50 fasiliti PDRM di kawasan pedalaman. Anggota polis juga turut menerima elaun-elaun khas seperti Bayaran Insentif Pasukan Gerakan Am (PGA) yang berjumlah RM400 sebulan sekiranya ditugaskan untuk menjaga sempadan negara.

Selain itu, Kementerian sentiasa menyemak kadar emolomen (gaji dan elaun) serta kemudahan anggota keselamatan dan penguat kuasa termasuk Polis Diraja Malaysia bagi memastikan kebajikan mereka terpelihara. Sebagai contoh, bagi menambah baik emolomen anggota polis, Kerajaan telah mengemas kini struktur gaji dan skim perkhidmatan pada tahun 2016 di bawah Rasionalisasi Skim Perkhidmatan PDRM bagi Sistem Saraan Malaysia (SSM). Menerusi perubahan ini, struktur gaji anggota polis ditambah baik berdasarkan pariti (parity) dengan skim-skim perkhidmatan beruniform lain.

NO SOALAN: 35

Bagi menambah baik perkara ini dan seiring dengan agenda MADANI, Kerajaan sedang melaksanakan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) untuk menambah baik sistem saraan meliputi struktur gaji, elaun dan kemudahan. Kajian secara komprehensif ini merangkumi semua penjawat awam, termasuk anggota polis.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:

- a) cara penilaian yang dilaksanakan untuk mengesan impak dari program latihan keusahawanan di bawah Kementerian ini dan Kementerian lain untuk memastikan pulangan pelaburan peruntukan Kerajaan dalam program-program ini; dan
- b) mekanisme yang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk memantau perkembangan perniagaan usahawan selepas menjalani latihan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian impak pelaksanaan program latihan keusahawanan yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi-agensinya adalah seperti berikut:

- (i) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) sentiasa menjalankan kajian keberhasilan program latihan selepas tempoh 30 hari peserta menamatkan sesuatu program. Melalui program latihan INSKEN seperti Program Bimbingan Bisnes Bumiputera (IBBC) pula, keberhasilan program diukur melalui purata kenaikan hasil jualan perniagaan usahawan sekurang-kurangnya 20% sepanjang tempoh 6 bulan bimbingan. Selain itu, Program Bimbingan Usahawan Permulaan (STC), INSKEN memastikan semua usahawan mendaftar perniagaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan melengkapkan profil diagnostik perniagaan mereka;
- (ii) SME Bank melalui *Centre for Entrepreneur Development and Research* (CEDAR) menggunakan program kecerdasan buatan *Enterprise Lifecycle Scoring Assessment* (ELSA) bagi mengenal pasti potensi perniagaan yang dijalankan seperti pengurusan kualiti produk dan perkhidmatan, kekangan digitalisasi dan

pengurusan kewangan. Penilaian impak selanjutnya dibuat berdasarkan beberapa faktor seperti jumlah jualan, keuntungan sebelum cukai, peluang pekerjaan, peluang eksport, adaptasi teknologi dan peluang peningkatan; dan

- (iii) SME Corp. telah membangunkan Pelan Tindakan Bersepadu PMKS (SMEIPA) yang menggunakan Analysis Framework for SME Development Programmes (IAFSP) bagi menilai keberkesanan program keusahawanan dan pembangunan program PMKS yang merangkumi aspek output, outcome dan perbelanjaan program.

2. Bagi memantau perkembangan perniagaan usahawan selepas menjalani latihan keusahawanan, KUSKOP dan agensi-agensinya secara umumnya meletakkan tempoh 3 hingga 6 bulan bagi memastikan perkembangan perniagaan usahawan. Dalam hubungan yang sama, bagi memperkasakan proses pemantauan, INSKEN telah melantik pegawai untuk menghubungi peserta dan alumni untuk mendapatkan maklumat perniagaan terkini serta mengenal pasti isu-isu yang dihadapi oleh usahawan selepas menyertai program INSKEN. Selain itu, peserta program INSKEN juga diwajibkan untuk mengemaskini purata hasil jualan setiap bulan semasa dan selepas program melalui sistem IPRO INSKEN bagi tujuan pemantauan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.
IBRAHIM
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggantikan pekerjaan yang dimonopoli oleh pekerja asing kepada rakyat tempatan yang sedang menganggur dan sedang mencari kerja supaya ada keseimbangan dalam industri kritikal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga **31 Oktober 2023**, jumlah pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara adalah **1,928,743 orang**. Walaupun begitu, berdasarkan kepada unjuran jumlah keseluruhan pekerja asing di dalam negara, bilangan pekerja asing telah melepasi sasaran yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu 15 peratus daripada unjuran tenaga kerja pada tahun 2025.

2. Namun begitu, Kerajaan masih melihat kepada keperluan tenaga kerja asing untuk sektor-sektor kritikal. Ini ditangani melalui satu pendekatan menggunakan kuota bagi sektor atau sub sektor yang masih belum membawa masuk pekerja asing akan diberikan kepada sektor atau subsektor yang lebih memerlukan. Sehubungan itu, tiada kelulusan kuota baharu dan penggajian pekerja asing tetap berlandaskan kepada keperluan sebenar majikan. Penggunaan buruh asing adalah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja bagi sektor-sektor tertentu yang sukar diisi oleh tenaga buruh tempatan. Berikutan itu, Kerajaan giat merangka dan melaksanakan **pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi** bagi menggalakkan tenaga kerja tempatan menceburi pekerjaan dalam sektor yang didominasi pekerja asing.

3. Kementerian Sumber Manusia menggalakkan industri supaya beralih kepada **penggunaan automasi, mekanisasi** dan **pendigitalan** yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran

tinggi dan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat.

4. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung telah mengenalpasti Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat *Multi-Tier Levy Mechanism* (MTLM) adalah salah satu strategi untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan dalam pasaran buruh. Sehubungan itu, kerajaan telah menetapkan untuk melaksanakan MTLM sebelum akhir tahun 2024 seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Seterusnya, Kementerian ini menerusi Majlis TVET Negara telah memeterai Memorandum Kerjasama dengan pihak industri bagi membuka ruang menjalin kerjasama dalam usaha meningkatkan kualiti pelaksanaan program TVET negara seterusnya mewujudkan pekerja berkemahiran. Ini selaras dengan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk mencapai 35 peratus tenaga mahir membabitkan anak-anak tempatan menjelang 2030. Setakat **November 2023**, sebanyak **63 Memorandum Kerjasama** telah dimeterai yang terdiri daripada **19 Syarikat Berkaitan Kerajaan dan 44 syarikat swasta**.

6. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad sentiasa menggalakkan pekerja untuk terus meningkatkan kemahiran dan latihan semula melalui latihan kemahiran. Justeru itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menyediakan

pembiayaan latihan melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja-pekerja. Setakat **15 November 2023**, sebanyak **9,086 pelajar** telah dilatih melalui **Skim Latihan Industri** dengan izin, *Industrial Training Scheme* dengan peruntukan sebanyak **RM16.62 juta**.

7. Bagi tahun 2024, menerusi pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 **Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan** telah mengumumkan bahawa **program-program Latihan Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran** akan diteruskan dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM1.6 bilion** untuk menyediakan **1.7 juta tawaran latihan**. Rentetan itu, **Pembangunan Sumber Manusia Berhad** akan **menguntukkan semula dana khas menggunakan 15 peratus daripada jumlah kutipan levi bagi melaksanakan Program Latihan MADANI kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta golongan rentan seperti bekas banduan, OKU, warga emas dan pesara**.

8. Kerajaan sedar bahawa kadar upah yang setimpal boleh menarik minat warga tempatan untuk memasuki pekerjaan dalam industri tertentu. Sehubungan itu, Kerajaan turut melaksanakan usaha untuk memastikan kadar pembayaran yang lebih sesuai dan setimpal untuk semua pekerja melalui pelaksanaan **gaji minimum RM1,500** di bawah Perintah Gaji Minimum 2022 serta Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti dengan izin *Productivity Linked Wage System*.

9. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO sentiasa berusaha bagi memastikan lebih banyak sektor swasta mengambil pekerja tempatan agar isu kebergantungan terhadap pekerja asing dapat dikurangkan dengan melancarkan **Kempen Ambil Pekerja Lokal**.

NO SOALAN: 37

Kempen ini bukan sahaja untuk mengambil pekerja tempatan malahan ianya sebagai lambang sokongan terhadap **Projek Riben Kuning** yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bertujuan memberi peluang kedua kepada golongan mudah terjejas seperti bekas banduan yang terdiri daripada belia dan bekas pelajar juvana agar boleh kembali ke pangkuan masyarakat dengan kehidupan yang lebih baik setelah selesai menjalani hukuman sekaligus mengurangkan isu kebergantungan terhadap pekerja asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan nisbah katil hospital kepada penduduk serta nisbah doktor kepada pesakit yang terkini dan apakah sasaran awal nisbah katil hospital 2.08 kepada 1,000 penduduk dan cadangan nisbah seorang doktor kepada 400 pesakit (1:400) mampu dicapai demi penambahbaikan sistem penjagaan kesihatan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data yang diterbitkan dalam laporan Petunjuk Kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), nisbah katil hospital pada tahun 2022 adalah 2.07 katil kepada 1,000 penduduk. Manakala, bagi nisbah pegawai perubatan (dokter) pada tahun yang sama adalah 1 pegawai perubatan kepada 412 penduduk (atau 2.4 pegawai perubatan kepada 1,000 penduduk).
2. Mengambil kira status projek-projek yang telah dan bakal siap pada tahun 2023, KKM positif sasaran nisbah katil hospital sebanyak 2.08 kepada 1,000 penduduk akan dapat dicapai sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.
MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan dasar, kaedah pendidikan atau kempen kesedaran hak pengguna yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk menjaga hak pengguna dan mencegah manipulasi harga oleh pihak tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan advokasi Kepenggunaan melalui pelbagai platform. Advokasi kepenggunaan merupakan satu program dimana maklumat kepenggunaan disampaikan kepada pengguna secara berterusan melalui kaedah penyampaian yang baharu dan berbeza daripada kaedah konvensional sedia ada. Tema-tema yang dipilih juga adalah dekat dengan isu pengguna semasa seperti bagaimana membuat pembelian selamat atas talian, bagaimana untuk membuat aduan pengguna, bagaimana untuk menebus rugi di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), isu *scam* dan sebagainya. Medium advokasi juga telah diperluaskan agar capaian lebih meluas dapat dicapai dan keberkesanan advokasi ini turut memberi manfaat kepada golongan pengguna yang lain seperti warga emas dan penduduk luar bandar.

Dalam senario dunia digital hari ini, *influencer* (pempengaruh) memainkan peranan yang agak besar dalam mempengaruhi dan menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan dengan penyampaian yang lebih meluas. Penggunaan *influencer* sebagai medium advokasi akan menarik minat bukan sahaja pengikut sedia ada malah masyarakat umum secara amnya. Melalui kerjasama KPDN bersama *influencer* Cik Yah, video advokasi kepenggunaan yang diterbitkan secara bulanan telah mendapat secara purata 187,883 tontonan di Tiktok, 18,195 tontonan di *Youtube*, 68,334 tontonan di *Instagram* dan 265,166 tontonan di *Facebook* sepanjang kempen pada 2022.

Selain itu juga, medium advokasi melalui platform e-dagang amat mendesak selaras dengan keperluan norma baru hari ini. Penularan pandemik Covid-19 menunjukkan peningkatan jualan atas talian dan tanpa tunai yang ketara dan *trend* ini dilihat berterusan dan telah menjadi sebahagian dari norma baharu. Kerjasama KPDN bagi advokasi kepenggunaan dengan platform Shopee misalnya telah dapat mencapai 5,082,147 pengguna melalui kempen '*Be a Savvy e-Shopper*' sepanjang 2022.

Tuan Yang di-Pertua,

KPDN juga melaksanakan advokasi kepenggunaan melalui media elektronik juga dilaksanakan dengan kaedah pengiklanan melalui platform *Facebook, YouTube, Instagram, LinkedIn* dan *programmatic display* di laman-laman web. Seperti sedia maklum, platform-platform ini merupakan platform yang biasa digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat pengguna. Melalui kerjasama ini seramai purata 1.6 juta pengguna setiap bulan yang telah melihat dan *engage* terhadap iklan yang dikeluarkan melalui platform-platform tersebut.

Advokasi kepenggunaan melalui medium pengangkutan awam membolehkan Kementerian mewujudkan kerjasama dengan penyedia perkhidmatan pengangkutan awam seperti Mass Rapid Transit (MRT) yang menjadi pilihan sebahagian besar pengguna khususnya di Lembah Klang. Kerjasama ini dilihat bersesuaian dan mampu memberikan impak positif kerana capaian kepada ramai pengguna setiap hari dan pengguna akan menghabiskan sebahagian masa mereka berada di dalam pengangkutan awam ini untuk ke destinasi masing-masing. Sepanjang

kempen tersebut seramai 4.4 juta penumpang telah pun menggunakan perkhidmatan MRT ini.

Selain itu juga, masyarakat umum yang mendapatkan perkhidmatan kerajaan seperti pesakit yang berada dan menunggu rawatan di hospital dan klinik kerajaan boleh dimanfaatkan dengan advokasi kepenggunaan yang ditayangkan di skrin dan televisyen yang disediakan di ruangan menunggu yang disediakan. Kerjasama kementerian dengan penyedia perkhidmatan pengiklanan di 33 hospital dan 43 klinik kesihatan kerajaan merangkumi 313 skrin televisyen telah mencapai purata 1.1 juta tontonan atau eyeball sepanjang kempen ini dilaksanakan.

Dalam usaha memperkasa advokasi kepenggunaan di peringkat pengguna muda pula, KPDN telah melaksanakan pelbagai advokasi kepenggunaan kepada golongan belia khususnya di peringkat Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui Kelab Pengguna Sekolah (KPS) dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS). Antara program kepenggunaan yang dilaksanakan adalah seperti sesi ceramah dan dialog, pertandingan kepenggunaan, Cabaran Interaktif Pengguna, Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa, teater kepenggunaan dan sebagainya. Untuk makluman, jumlah GPS terkini yang berdaftar ialah 177 buah GPS melibatkan penyertaan 8,748 orang ahli dan jumlah KPS adalah 2,030 buah KPS melibatkan penyertaan 69,178 orang ahli. Melalui penubuhan GPS dan KPS, ia menjadi platform terbaik bagi membantu KPDN untuk mendedahkan mengenai pendidikan awal berkaitan kepenggunaan serta berhubung dengan pengguna di peringkat akar umbi juga sebagai medium untuk menyebarkan pendidikan kepenggunaan secara terus, cepat dan cekap kepada pengguna.

NO SOALAN: 39

KPDN Sentiasa komited dan akan terus melaksanakan pelbagai program advokasi kepenggunaan bagi memastikan pengguna terus dilindungi dan mendapat hak mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan rancangan terhadap bangunan Intekma Resort & Convention Centre di Shah Alam, Selangor yang sudah lama terbiar sedangkan pada yang sama, ramai pelajar UiTM menghadapi masalah penginapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, INTEKMA Resort and Convention Centre (IRCC) merupakan bangunan komersial milik UiTM yang dibeli pada tahun 1997 dan diuruskan sepenuhnya oleh UiTM Hospitality Management Services Sdn. Bhd. (UHMS) iaitu salah satu syarikat subsidiari di bawah UiTM Holdings Sdn. Bhd.
2. IRCC sebelum ini menawarkan perkhidmatan hotel berkonsepkan apartmen termasuk kemudahan pusat persidangan.
3. Berhubung perkara ini, setelah 22 tahun, perkhidmatan IRCC telah ditamatkan pada tahun 2019 berikutan UHMS mengalami masalah operasi serta kewangan ekoran kemudahan IRCC yang uzur serta saingan yang sangat kompetitif melibatkan industri perhotelan dan hospitaliti khususnya di Shah Alam. Justeru itu, pada 1 Julai 2020, IRCC telah diserahkan kembali kepada pihak pengurusan UiTM.
4. Berdasarkan perancangan terkini IRCC, UiTM dalam proses untuk mendapatkan penyewa yang mampu untuk menjalankan operasi komersial IRCC mengikut peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

5. Merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (Pengubahan 3) 2020, IRCC telah dizonkan di bawah kegunaan perdagangan. Sekiranya fungsi IRCC ditukar kepada asrama penginapan pelajar, UiTM perlu mengeluarkan peruntukan yang tinggi bagi memenuhi syarat dan peraturan di bawah PBT dan mungkin memberi kesan langsung terhadap yuran penginapan pelajar.
6. Berhubung isu kekurangan asrama/kolej kediaman di Kampus UiTM Shah Alam, perkara ini berlaku kerana kapasiti semasa asrama yang disediakan adalah berjumlah 13,599 pelajar berbanding jumlah keseluruhan enrolmen pelajar adalah 32,513 pelajar bagi setiap semester.
7. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh UiTM bagi membantu pelajar berhubung isu ini adalah:
 - i. pengambilalihan semula Kolej Kediaman Kristal, Kenanga, Cemara, Akasia dan Cendana (INTEC) dengan jumlah kapasiti seramai 3,000 pelajar;
 - ii. menaik taraf 24 bilik uzur rosak berkapasiti 144 orang di Kolej Kediaman Meranti;
 - iii. menambah bilangan kapasiti di kampus-kampus dengan cadangan pembinaan baharu asrama di kampus Shah Alam, Segamat, Rembau, Seremban dan Tapah yang mempunyai ramai pelajar tinggal di luar kampus;

NO SOALAN: 40

- iv. memperkasakan Unit Pengurusan Non Resident yang ditubuhkan sejak tahun 2006 sebagai pemudah cara kepada pelajar yang tinggal di luar kampus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023**

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan

- a. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk Pelaburan Langsung Domestik (DDI) dan mekanisme untuk memantau KPI tersebut; dan
- b. garis masa untuk menggabungkan kesemua 31 agensi yang mempromosi pelaburan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Pelaburan Negara (MPN) Bil. 2/2023 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk menjadikan pelaburan langsung domestik (DDI) sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) bagi menjana jumlah pelaburan negara. Kerajaan melalui MITI komited untuk sentiasa mengimbangi kedua-dua DDI dan pelaburan langsung asing (FDI) bagi merangsang pembangunan yang lestari dan seimbang di seluruh negara.

Bagi tempoh Januari hingga September 2023, DDI yang diluluskan mencatatkan peningkatan peratusan yang signifikan sebanyak 45.2% berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya (RM68.4 bilion) dengan sumbangan sebanyak RM99.3 bilion atau 44.1% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Pelaksanaan projek DDI yang diluluskan dipantau dan dimudah cara oleh Kerajaan melalui platform di MIDA seperti berikut:

- a. menerusi Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK), sebuah platform pemudahcara dan pemantauan bagi kesemua projek pelaburan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) dalam memastikan projek yang diluluskan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan; *dan*

- b. pewujudan Pusat Memudahkan Pelaburan Malaysia atau *Invest Malaysia Facilitation Centre* (IMFC) di ibu pejabat MIDA selaras dengan keputusan Majlis Jemaah Menteri pada 3 November 2023 yang bertujuan mempercepat pelbagai proses kelulusan termasuk memberi khidmat rundingan serta nasihat, sekaligus mengurangkan kerenah birokrasi untuk memudahkan perniagaan khususnya *investors' journey* di pelbagai peringkat. IMFC mengumpulkan pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan serta pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung selari dengan aspirasi NIMP 2030 untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan mesra pelabur dan mesra perniagaan yang terunggul di rantau ini.

Pembangunan ekosistem perindustrian domestik yang dapat diwujudkan melalui perkembangan DDI yang strategik amat penting bagi menjana pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lestari lantas memperkasakan rantaian nilai dan rantaian bekalan ekonomi domestik.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi aspek penggabungan agensi-agensi yang terlibat dengan aktiviti promosi pelaburan, sukacita dikongsikan bahawa Mesyuarat MPN Bil. 1/2023, telah bersetuju untuk menambah baik ekosistem Agensi Penggalakan Pelaburan (*Investment Promotion Agency* - IPA) negara menerusi aktiviti rasionalisasi fungsi dan peranan promosi pelaburan IPA di samping memperkasakan MIDA sebagai IPA utama negara.

NO SOALAN: 41

Inisiatif ini dilaksanakan secara berfasa, bermula dengan IPA Koridor Ekonomi Wilayah. Bermula 1 Januari 2024, aktiviti promosi pelaburan dan pemasaran di peringkat IPA Persekutuan akan diseragamkan dan dipusatkan di bawah MIDA.

MITI menerusi MIDA akan terus komited dan proaktif dalam menarik DDI dan FDI ke Malaysia, ke arah memacu ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum dan menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang terpilih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesan statutori perundangan Amerika Syarikat ekoran pendirian tegas Malaysia dalam memberi sokongan kepada Palestin serta mengecam serangan dan keganasan yang dilakukan Israel.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Atas dasar dan prinsip kemanusiaan, Kerajaan tetap berpendirian teguh menyokong perjuangan rakyat Palestin. Malaysia menolak penjajahan, dasar-dasar apartheid rejim zionis terhadap rakyat Palestin dan Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya penganiayaan, pembunuhan orang awam di Gaza.

3. Dewan Perwakilan Rakyat Amerika Syarikat (AS), pada 1 November 2023 yang lalu telah meluluskan satu Rang Undang-Undang (RUU) Pencegahan Pembiayaan Antarabangsa Hamas atau dengan izin, Hamas International Financing Prevention Act. RUU tersebut bertujuan bagi mengenakan sekatan-sekatan seperti saluran kewangan kepada individu, agensi atau kerajaan asing yang memberi sokongan kepada Hamas atau kumpulan militan lain yang beroperasi di Gaza, seperti Jihad Islam Palestin.

4. Keputusan Kongres AS untuk meluluskan RUU ini adalah untuk memperlihatkan usaha berterusan Kongres AS supaya Kerajaan AS menekan mana-mana Kerajaan asing atau pihak yang menyalurkan bantuan kepada Hamas. RUU ini juga boleh diibaratkan sebagai halangan kepada pihak yang ingin membantu rakyat Palestin yang telah lama ditindas oleh rejim Israel. RUU ini selanjutnya akan dibentang bagi mendapatkan persetujuan dengan izin, Senate atau Dewan Negara Amerika Syarikat dan seterusnya ditandatangani oleh Presiden Joseph Biden sebelum dilaksanakan.

Tuan Yang-di Pertua,

5. Untuk makluman Dewan yang mulia, Hamas tidak pernah diklasifikasikan sebagai entiti atau organisasi pengganas oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) walaupun terdapat cadangan daripada Negara-Negara Barat untuk berbuat demikian. Tambahan pula, sekiranya Majlis Keselamatan PBB mengambil keputusan untuk mengklasifikasikan sesebuah entiti sebagai satu organisasi pengganas, negara-negara anggota PBB termasuk Malaysia perlu meratifikasi pelaksanaan senarai sekatan (sanctions list) dalam penguatkuasaan undang-undang anti keganasan. Dalam hal ini, RUU yang bakal dilaksanakan oleh Amerika Syarikat adalah bersifat dengan izin, unilateral sanctions atau sekatan sehalu, dan sebarang unilateral sanctions atau mana-mana sekatan yang bukan diklasifikasikan oleh PBB tidak akan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

6. Sebagaimana Dewan sedia maklum, Malaysia tetap dengan pendirian bahawa rakyat Palestin berhak mendapat kembali tanah air mereka dan perjuangan mereka menerusi Hamas yang telah memenangi pilihan raya pada tahun 2006 merupakan perjuangan yang sah. Perjuangan Hamas ini juga dapat disamakan dengan perjuangan parti politik ANC atau dengan izin, African National Congress di Afrika Selatan yang telah berjuang menentang apartheid.

7. Kerajaan juga yakin bahawa RUU ini tidak akan memberi impak yang negatif kepada kedudukan kerjasama dua hala Malaysia-Amerika Syarikat yang kini berada pada tahap yang amat baik. Ini dapat dibuktikan susulan kejayaan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Mesyuarat Ke-30 Pemimpin-Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, California pada 15-17 November 2023 yang lalu. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat tersebut merupakan kali kedua pada tahun ini, selepas lawatan beliau ke Sesi ke-78 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dari 20 hingga 24 September 2023. Malaysia dan Amerika Syarikat juga akan menyambut ulang tahun Perkongsian Komprehensif Ke-10 pada tahun 2024.

Tuan Yang-di Pertua,

8. Kerajaan akan terus memantau rapat perkembangan dan meneliti impak langsung dan tidak langsung terhadap Malaysia susulan pelaksanaan RUU ini sekiranya diluluskan. Malaysia pada masa yang sama akan terus menggesa Amerika Syarikat untuk menunjukkan kepimpinan yang berkesan bagi mewujudkan keamanan antarabangsa, dan menghormati undang-undang antarabangsa, yang melibatkan aspek

NO SOALAN: 42

kemanusiaan. Kerajaan juga akan meneruskan perjuangan mendapatkan hak dan usaha memberi perlindungan serta bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin menerusi perbincangan bersama negara-negara yang sependapat, serta melalui pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti di peringkat Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nations.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menambah baik Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di sempadan Malaysia dan Indonesia di Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa meneliti keperluan pembangunan baharu atau menaik taraf kemudahan imigresen di pintu-pintu masuk dari semasa ke semasa termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Ketika ini terdapat empat (4) projek pembangunan ICQS yang sedang dilaksanakan di Sarawak iaitu:

- (ii) Projek Naik Taraf ICQS Tebedu melibatkan kos RM100 juta;
- (iii) Projek Pembinaan Pos dan Kuarters Imigresen Ba'Kelalan (RM16 juta);
- (iv) Projek Pembinaan Pos dan Kuarters Imigresen Serikin (RM50 juta); dan
- (v) Projek Pembinaan Pos dan Kuarters Imigresen Telok Melano (RM22 juta).

Manakala bagi Sabah pula, ketika ini terdapat projek pembinaan ICQS Sementara di Bantul, Nabawan, Sabah melibatkan kos RM31.1 juta dan kerja awalan bagi pembinaan ICQS Serudong dan ICQS Bantul masing-masing dengan kos sebanyak RM5 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat senarai tempat yang wajib dikunjungi oleh pelancong yang datang melancong ke Malaysia bagi tujuan mempertingkatkan ekonomi usahawan kecil seperti kedai-kedai yang menjual barangan kraf atau makanan keluaran tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa mempromosikan tempat-tempat yang dapat menarik pelancong melawat tanpa mengira jenis tarikan seperti alam semulajadi, buatan manusia, kebudayaan, kesenian serta kraftangan masyarakat yang terdapat di Malaysia. Antara destinasi pelancong dilawati di Johor adalah Legoland Malaysia, Johor Premium Outlet dan Pantai Tanjung Balau: manakala di Terengganu pula adalah Jambatan Angkat, Pantai Batu Buruk dan Pasar Besar Kedai Payang.

Kraftangan Malaysia, sebuah agensi dibawah MOTAC yang mempromosikan dan memasarkan kraftangan-kraftangan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan usahawan kecil dalam menjualkan hasil mereka seperti di Hari Kraf Kebangsaan dan juga di pameran-pameran di seluruh negara. Agensi lain dibawah MOTAC yang turut mempromosikan budaya, seni dan kraf Malaysia adalah JKKN, Istana Budaya, Balai Seni dan Tourism Malaysia. Peniaga kecil dan sederhana lain juga berpeluang untuk mempamer dan menjual hasil kraf dan seni di tempat-tempat tarikan pelancongan dan ditempat khas seperti di bazaar kraf dan ruang niaga di lapangan terbang.

Untuk makanan pula, Tourism Malaysia mempromosikannya diseluruh dunia mengenai keistimewaan makanan-makanan yang terdapat pada setiap negeri, dan menggalakan pelancong-pelancong untuk ke setiap negeri untuk menikmati keunikan dan ketulenan masakan makanan yang ditawarkan oleh masyarakat di negeri tersebut. Promosi makanan negeri-

NO SOALAN: 44

negeri juga turut dipromosikan melalui media massa antarabangsa yang dijemput khas untuk membuat liputan pelancongan di negeri-negeri.

Usaha mempromosikan kraftangan dan makanan Malaysia ini telah menghasilkan minat kepada pelancong untuk membeli kraftangan dan menikmati makanan serta membawa balik kraftangan dan makanan Malaysia untuk dijadikan kenangan dan buah tangan kepada keluarga dan sahabat handai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD
GHAFFAR
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFFAR minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimanakah langkah-langkah pihak Kerajaan membendung dan mencegah jenayah siber.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah bagi membendung dan mencegah jenayah siber antaranya:

- (i) Program Galakan Pemerkasaan Keselamatan Siber Kepada Perusahaan Kecil Dan Sederhana yang merupakan satu program menyeluruh di mana perkhidmatan dan penyelesaian keselamatan siber dilaksanakan secara berstruktur dan berterusan terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ini melibatkan pelaksanaan Program *Health Check* dan Intervensi (MyCSRP). Sehingga 15 November 2023, 196 PKS telah melaksanakan program ini dan sasaran keseluruhan adalah 300 PKS;
- (ii) Skim Pensijilan Global ACE (*Global Accredited Cybersecurity Education-Global ACE*) di bawah Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang menyasarkan pembangunan 20,000 tenaga kerja keselamatan siber menjelang tahun 2025;
- (iii) *CyberSecurity Malaysia Collaboration Program (CCP)* yang merupakan inisiatif kerjasama awam-swasta dalam menyediakan produk dan perkhidmatan keselamatan siber. Sejak 2019, hampir 100 syarikat ICT telah mendaftar sebagai ahli CCP;

- (iv) Program SiberKASA yang merangkumi 3 komponen keselamatan siber iaitu insan (*people*), proses, dan teknologi mengandungi lebih dari 40 produk dan perkhidmatan yang dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia untuk menangani ancaman dan serangan siber;
- (v) Skim Penilaian dan Pensijilan Keselamatan Digital dan Privasi di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang tertumpu kepada pelaksanaan menyeluruh pengurusan maklumat, privasi, dan keselamatan digital; dan
- (vi) program-program berbentuk kesedaran keselamatan siber dan pembentukan sahsiah pengguna seperti *Safer Internet Day* (SID) pada setiap bulan Februari, Inisiatif Etika Siber Kebangsaan (NCEI) dan Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023.

Selain itu, kerjasama strategik turut dijalinan bersama agensi penguatkuasaan berkaitan keselamatan siber negara seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Jabatan Imigresen Malaysia, dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). CyberSecurity Malaysia adalah saksi pakar di bawah Seksyen 399, Kanun Prosedur Jenayah bagi tujuan penguatkuasaan dan pembangunan keupayaan agensi penguatkuasaan terlibat.

NO SOALAN: 45

Menerusi kerjasama ini, CyberSecurity Malaysia akan mengukuhkan kawal selia keselamatan siber menerusi penggunaan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dengan pelbagai sumber data keselamatan untuk mengesan, mencegah, dan bertindak balas terhadap ancaman siber dengan lebih efektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang dicadangkan dan implikasi terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Gaji Progresif yang dibangunkan meliputi **tiga kriteria utama, iaitu syarat penyertaan, cadangan kenaikan gaji tahunan dan insentif mengikut kadar dan kumpulan pekerja**. Syarikat yang menyertai dasar ini hendaklah memenuhi semua syarat yang ditetapkan untuk melayakkan penerimaan insentif tunai.

Syarat penyertaan untuk majikan mendaftar sebagai 'Majikan Gaji Progresif' dirangka dengan memberi tumpuan kepada syarikat tempatan, terutama dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Ini memandangkan 97% syarikat di negara ini adalah PMKS dan mereka ini bergelumang dengan masalah kenaikan gaji. Selain daripada itu, pekerja yang layak untuk didaftarkan haruslah menerima gaji bulanan tidak melebihi had gaji yang akan dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif.

Panduan kenaikan gaji tahunan Dasar Gaji Progresif akan dicadangkan supaya setiap tahun itu akan ada panduan gaji tahunan bagi memastikan tahap gaji mengikut sektor dan peringkat kemahiran dapat meningkat secara berkala. Ini akan dicadangkan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif mengikut sektor dan kategori pekerjaan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO). Panduan ini akan meliputi cadangan penentuan gaji berdasarkan gaji pokok dan kenaikan gaji bagi setiap kategori pekerjaan.

NO SOALAN: 46

Insentif berbentuk tunai akan disediakan mengikut kadar dan kumpulan pekerja pada peringkat permulaan (*entry-level*) sama ada siswazah ataupun bukan siswazah dan peringkat bukan permulaan (*non-entry level*) bagi mengatasi masalah gaji golongan siswazah semakin rendah setiap tahun.

'Majikan Gaji Progresif' akan dinilai dan diberikan penarafan dalam bentuk bintang untuk membolehkan syarikat bersaing antara satu sama lain dari segi prestasi kenaikan gaji bagi mewujudkan budaya penetapan gaji yang lebih baik.

Kenaikan gaji yang terkait dengan produktiviti menekankan kesaksamaan di antara majikan dan pekerja melalui konsep timbal balik. Konsep ini bertujuan untuk menangani kebimbangan utama pihak majikan, iaitu kenaikan gaji perlu seiring dengan peningkatan tahap kemahiran dan produktiviti pekerja. Pekerja perlu menjalani latihan yang diiktiraf Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti pekerja sebelum menerima kenaikan gaji. Latihan dan peningkatan kemahiran kemudian akan diterjemahkan kepada tenaga kerja yang lebih berkualiti di samping menerapkan budaya pembelajaran berterusan, malah membantu majikan meningkatkan daya saing yang pastinya memberikan manfaat kepada negara.

Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif akan dimulakan dengan projek rintis pada bulan Jun 2024 melibatkan 1,000 syarikat. Pemilihan syarikat akan melalui proses yang menekankan sokongan dasar yang memberi fokus kepada syarikat yang bersedia untuk melaksanakan Dasar Gaji Progresif, tahap keperluan sektor yang memberi fokus kepada sektor di

mana kenaikan gaji pekerja lebih diperlukan dan kesaksamaan dengan pemilihan syarikat berdasarkan representasi sektor.

Dasar Gaji Progresif akan memberi implikasi kepada PMKS melalui bantuan insentif tunai yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Ini bagi membantu majikan membiayai sebahagian kos kenaikan gaji pekerja terutamanya di kalangan PMKS yang tidak mempunyai kekuatan kewangan dan modal. Insentif ini akan diberikan kepada syarikat yang memenuhi syarat dan kriteria untuk tempoh tertentu bagi membolehkan syarikat menyesuaikan pelan perniagaan.

Selain itu, insentif berasaskan tunai juga mensyaratkan pekerja menghadiri kursus dan latihan peningkatan kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan. Langkah ini akan meningkatkan produktiviti pekerja PMKS yang akan membantu meningkatkan pengeluaran, daya saing dan keuntungan syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan JAKIM untuk memenuhi permintaan dan menyediakan guru KAFA yang mencukupi memandangkan tiada lagi kuota penambahan guru KAFA daripada JAKIM sejak tahun 2021, sedangkan permohonan guru telah meningkat di seluruh Negeri Sembilan kerana kebanyakan sekolah berhasrat untuk membuat permohonan pengambilan guru tetapi terhalang disebabkan tiada penambahan kuota atau bajet seperti kelas KAFA di Jelevu.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan KAFA sentiasa meneliti dan membuat perancangan terhadap pertambahan guru KAFA bagi menampung kekurangan guru dan menambahbaik Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) KAFA.
2. Pada tahun 2020, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak 1800 kuota guru yang menjadikan jumlah guru KAFA meningkat daripada 33,200 kepada 35,000 orang. Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN) juga telah mengambil langkah yang proaktif untuk melantik guru KAFA baharu untuk mengisi kekosongan.
3. JAKIM sentiasa mengemaskini dan membuat unjuran terhadap keperluan pertambahan perjawatan Guru KAFA agar seimbang antara nisbah bilangan guru dan premis KAFA. Sejak 2021, JAKIM sentiasa membuat permohonan penambahan kuota Guru KAFA untuk keperluan seluruh negara. Walau bagaimanapun, kelulusan sepenuhnya adalah tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan keupayaan kewangan semasa kerajaan.

NO SOALAN: 47

4. Dalam memastikan pengawalan perkara ini, JAKIM dengan kerjasama PBAN telah melaksanakan penyelarasan semula kuota sedia ada dapat digunakan secara optimum. Selain itu, pematuhan prosedur pembukaan kelas KAFA yang baharu telah dikuatkuasa mulai Januari 2022 di dalam Peraturan-Peraturan Pelaksanaan Program KAFA.

5. Untuk makluman YB, bilangan Guru KAFA di Negeri Sembilan ialah seramai 2,243 orang manakala bilangan Guru KAFA khususnya di daerah Jelebu ialah 109 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan limpahan ekonomi yang akan diperoleh oleh Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah terutamanya dalam industri hidrogen, tenaga bio, mobiliti hijau dan *carbon capture, utilisation and storage (CCUS)*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Limpahan ekonomi yang akan diperoleh oleh Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah dalam industri mobiliti hijau dan rendah karbon adalah melalui pewujudan peluang pekerjaan hijau, kemasukan pelaburan secara langsung dan tidak langsung, pembangunan kapasiti tenaga kerja (*capacity building*), pemindahan teknologi dan lain-lain.

2. Bagi melonjakkan pembangunan industri mobiliti hijau melalui penggunaan kenderaan elektrik (EV) tempatan dan menggalakkan penerimaan rakyat terhadap penggunaan EV, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif di bawah Belanjawan 2024 yang boleh dimanfaatkan oleh semua negeri termasuk Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan seperti berikut:

- i. pemasangan 180 stesen pengecasan EV melalui pelaburan melebihi RM170 juta oleh syarikat seperti TNB, Gentari dan Tesla Malaysia;
- ii. pengenalan Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik kepada rakyat berpendapatan tahunan RM120 ribu ke bawah dengan pemberian rebat sehingga RM2,400 kepada pembeli bagi menggalakkan penggunaan motosikal elektrik; dan

NO SOALAN: 48

- iii. pelanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga 2,500 ringgit ke atas perbelanjaan kemudahan pengecas EV untuk tempoh 4 tahun dan potongan cukai bagi kos sewaan EV untuk tempoh 2 tahun lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan keluasan rumah PPR di seluruh negara kepada 1,000 kaki persegi sebagai suatu langkah menangani masalah sosial khususnya di lokailiti padat seperti kawasan bandar-bandar utama seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **projek PPR** telah **bermula sejak tahun 1970an** bagi menangani keperluan perumahan rakyat berpendapatan rendah. PPR yang dibina dahulu mempunyai **keluasan sebanyak 650** kaki persegi dengan satu (1) atau dua (2) bilik sahaja serta kemudahan fasiliti yang terhad. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), keluasan PPR ditingkatkan kepada 700 kaki persegi.

Penambahbaikan PPR diteruskan apabila Kerajaan telah bersetuju dengan **hala tuju baharu pelaksanaan PPR** dengan **penetapan saiz keluasan yang baharu iaitu seluas 750 kaki persegi** pada **tahun 2022**. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan daya huni penduduk PPR. Keluasan 750kaki persegi ini adalah melebihi daripada syarat minimum yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Perbandingan juga turut dibuat dengan skim-skim perumahan yang lain. Di bawah skim perumahan bagi kumpulan pendapatan B40, keluasan 750 kaki persegi ini adalah yang terbesar ketika ini. Skim perumahan sosial yang dilaksanakan di luar negara juga menunjukkan keluasan rumah dalam julat lingkungan 320 hingga 650 kaki persegi, iaitu lebih rendah berbanding 750 kaki persegi.

Selain daripada keluasan, penambahbaikan lain yang turut dilaksanakan adalah melibatkan **pengenalpastian reka bentuk terbaik** termasuk susun atur bagi meningkatkan keselesaan penghuni. Selain itu, KPKT juga menambahbaik kemudahan di PPR seperti tadika, surau,

dewan serbaguna, Pusat Kitar Semula, dan kemudahan infrastruktur internet jalur lebar.

Pembangunan PPR juga akan menerapkan penggunaan teknologi hijau seperti panel solar, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHS), peralatan dan perkakasan cekap tenaga dan air. KPKT juga akan memastikan **aspek komersial diambil kira** supaya perumahan yang dimajukan adalah lebih mesra penghuni dan berdaya huni dengan mengutamakan empat (4) elemen iaitu daya huni (*liveability*), ketersambungan (*connectivity*), lestari (*sustainability*) dan masyarakat berkualiti (*good community*).

Selain itu, KPKT akan memastikan aspek komersial diambil kira supaya perumahan yang dimajukan adalah **lebih mesra penghuni** dan berdaya huni dengan mengutamakan empat (4) elemen iaitu *liveability, connectivity, sustainability and good community*. Sebagai rantaian ke hadapan (*way forward*), menerusi **projek Perumahan Inklusif MADANI**, Kementerian mencadangkan **perumahan pelbagai saiz** [*multiple gross floor area (GFA)*] bagi memastikan kesesuaian dan keperluan isi rumah pelbagai golongan sasaran dipenuhi. Projek rintis Perumahan Inklusif MADANI akan dibangunkan untuk golongan sasar di bandar utama seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status projek Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Aerotrain dan bilakah KLIA Aerotrain akan mula beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB), melalui anak syarikat milik penuhnya Malaysia Airports Sepang Sdn Bhd (MA Sepang) telah mengeluarkan notis penamatan kepada Pestech Technology Sdn Bhd (PTSB) pada 16 Ogos 2023. Penamatan tersebut adalah bagi kontrak Reka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Ujian dan Pentauliahan untuk *Automated People Mover (APM)* atau Aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).
2. PTSB telah dilantik sebagai kontraktor Reka dan Bina untuk Program Penggantian Aerotrain KLIA pada 14 Disember 2021 melalui proses tender terbuka. Penamatan ini adalah disebabkan oleh antara lain tidak mematuhi obligasi kontrak (*non-performance*), menjejaskan tahap pencapaian penting projek dan berisiko menyebabkan kelewatan untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
3. Keputusan ini diambil oleh Lembaga Pengarah MAHB, dengan mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus MAHB dan berdasarkan pemantauan berterusan terhadap perkembangan projek APM oleh pengurusan MAHB dan perunding bebas. PTSB didapati telah melanggar secara material obligasi dalam kontrak dan gagal mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

4. Pengeluaran Notis Penamatan membolehkan MA Sepang untuk meneruskan dan menyiapkan projek tersebut dengan penglibatan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan tumpuan untuk memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual. MAHB kekal komited untuk memperuntukkan sumber yang diperlukan untuk meminimalkan sebarang kemungkinan berlaku kelewatan dalam projek APM.

5. MA Sepang telah mengadakan rundingan dan perbincangan dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) sedia ada yang terlibat dalam Projek APM untuk tujuan kesinambungan dan demi mengurangkan sebarang kelewatan. Usaha yang diambil termasuk bekerja secara rapat dengan semua pihak berkaitan yang terlibat dalam kerja penggantian sistem dan landasan, serta mengenalpasti kontraktor pihak ketiga yang berpengalaman dan berwibawa untuk memastikan semua komponen projek APM dapat terus berjalan dengan konsisten.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah nilai industri lada putih berkrum yang banyak dihasilkan di Sarawak dan apakah usaha untuk mempergiatkannya serta agenda untuk mengkomersialkan sektor ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri Lada Putih Krim (LPK) sememangnya telah diketahui sebagai salah satu produk lada yang berpotensi tinggi untuk dipasarkan malah mampu dijual dengan harga tinggi atau premium. Pada masa kini, nilai industri LPK ini dianggarkan sekitar **RM4 juta hingga RM8 juta** setahun. Untuk makluman, harga 1 kilogram LPK boleh mencapai sehingga **RM50 sekilogram** berbanding harga lada putih biasa yang berharga sekitar **RM23 sekilogram**. Harga jualan LPK boleh mencecah antara **RM50 hingga RM70** sekilogram dengan potensi permintaan di pasaran dunia dianggarkan sekitar **80 sehingga 120 metrik tan setahun**.
2. Lembaga Lada Malaysia (MPB) mengunjurkan permintaan LPK mampu meningkat antara **5% hingga 10%** setiap tahun dengan pelaksanaan aktiviti promosi secara konsisten berkaitan potensi dan penggunaan LPK dalam industri makanan, hotel dan juga restoran.
3. Menyedari akan potensi besar LPK, bermula pada tahun 2022, Kementerian melalui MPB telah melaksanakan satu skim bantuan berfokus iaitu **Projek Pembangunan Pengeluaran Lada Premium (PPLP)** bagi menggalakkan para pekebun lada mengeluarkan lada berkualiti premium seperti LPK untuk membolehkan para pekebun lada menikmati pulangan harga yang lebih tinggi atau premium setanding dengan kualiti yang ditawarkan.

4. Sejumlah **RM1.6 juta** telah diperuntukkan pada tahun 2022 dan 2023 untuk menjayakan projek perintis dan sehingga 31 Oktober 2023, seramai **165 orang pekebun lada** telah menerima manfaat dari penyertaan program ini yang meliputi kawasan tanaman lada seluas **24.1 hektar**. Di bawah bantuan program yang dimaksudkan, pekebun lada dibantu dari aspek penyaluran input pertanian seperti baja dan *dolomite* serta insentif keratan lada dan tiang sokongan.
5. Selain itu, pekebun juga dibekalkan dengan alat-alat pemrosesan seperti pengipas, pengayak dan *spiral separator* serta bahan binaan untuk kemudahan rendaman bagi menghasilkan LPK. Kursus dan latihan bimbingan yang berterusan juga diberikan bagi memastikan kejayaan projek yang dimaksudkan. Setakat 31 Oktober 2023, sebanyak **19 sesi kursus dan latihan bimbingan** berjaya dilaksanakan telah memberi manfaat kepada **531 orang pekebun**. Untuk makluman juga, pelaksanaan projek PPLP menasasarkan pengeluaran LPK sebanyak **40 tan LPK setahun**.
6. Di samping itu, Kementerian melalui MPB juga sedang bergiat aktif dalam menerokai potensi pasaran baharu atau pasaran khusus yang bersedia untuk membeli LPK keluaran Sarawak dalam memastikan rantaian permintaan dan bekalan yang berterusan. Pasaran yang dimaksudkan merupakan pasaran atasan di kalangan negara-negara **Scandinavia** seperti Sweden dan Finland yang mampu menawarkan harga premium untuk LPK. Pasaran **Amerika Syarikat dan Eropah** juga dikenalpasti mempunyai permintaan yang tinggi terhadap lada berkualiti terutamanya LPK selain pasaran tradisional seperti di **Jepun, Korea dan Taiwan**.

7. Selaras dengan **Dasar Agrikomoditi Negara 2030 (DAKN2030)**, Kementerian melalui MPB memberi fokus kepada pengeluaran lada premium seperti LPK untuk memenuhi permintaan pasaran atasan terutamanya di negara-negara yang telah disebutkan tadi. Usaha ini bukan sahaja dapat memberikan pulangan yang tinggi kepada para pekebun lada tetapi juga dapat meningkatkan sumbangan nilai eksport sektor lada kepada KDNK negara di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ROS SURYATI BINTI ALANG
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK ROS SURYATI BINTI ALANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menaikkan had umur persaraan penjawat awam dari 60 tahun kepada 70 tahun seperti yang diamalkan di luar negara.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada perancangan untuk meningkatkan umur persaraan perkhidmatan awam pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia menjalankan kajian terperinci terhadap cadangan untuk meminda umur persaraan perkhidmatan awam dari semasa ke semasa sekiranya terdapat keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan objektif Kementerian melaksanakan semula program tajaan biasiswa MyBrain15 yang kini dijenamakan sebagai MyBrain 2.0 bermula tahun 2024 dan pembaharuan yang ingin dilakukan bagi memantapkan lagi inisiatif tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan program MyBrain 2.0 mulai tahun 2024 bermatlamat memperkukuh modal insan Malaysia.
2. Antara objektif Program MyBrain 2.0 ialah menghasilkan *output*, *outcome* dan impak yang dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan individu, masyarakat, industri dan negara melalui pembangunan modal insan dan pemerksaan bakat yang berkemahiran tinggi dalam bidang penyelidikan.
3. Ia juga dapat menyumbang kepada kebolehpasaran graduan, peningkatan kerjaya dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup serta meningkatkan keupayaan, prestasi dan penarafan Universiti Awam dan sektor pendidikan tinggi Malaysia.
4. Kementerian telah mengambil inisiatif merekayasa program ini bagi tujuan penambahbaikan iaitu memfokuskan kepada sasaran keberhasilan yang mana prestasi program MyBrain 2.0 akan diukur daripada peratusan pelajar bergraduasi dalam tempoh (*Graduate On Time - GOT*) dan peratusan keciciran iaitu bilangan pelajar yang tidak tamat pengajian (gugur atau tarik diri atau gagal dan berhenti). Sehubungan itu, pemantauan prestasi pelajar akan dilaksanakan dengan lebih ketat supaya matlamat GOT akan dapat dicapai.

5. Selain itu, kaedah saringan dan pemilihan juga akan dilaksanakan dengan lebih ketat seperti temu duga dan ujian psikometrik. Calon-calon yang disenarai pendek selepas sesi temu duga akan dipertimbangkan dalam satu Jawatankuasa Pemilihan di peringkat KPT. Langkah ini akan membolehkan pemilihan calon dilakukan secara lebih telus bagi menghasilkan graduan yang lebih berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 11 DISEMBER 2023**

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah unjuran pertumbuhan ekonomi Bumiputera melalui sektor keusahawanan MARA melibatkan naik taraf, penambahan bilangan dan kemudahan premis perniagaan di Terengganu, Kedah, Kelantan dan Perlis dari tahun 2020 sehingga 10 bulan pertama tahun 2023 (mengikut tahun); dan
- (b)
- (c) jumlah usahawan berjaya dilahirkan dan sejauh manakah keupayaan usahawan ini meningkatkan daya saing menerusi Program Transformasi Premis Usahawan Luar Bandar (TRENT) terutamanya di Terengganu, Kedah, Kelantan dan Perlis mengikut tahun 2020 sehingga 10 bulan pertama pada tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MARA menawarkan kemudahan infrastruktur dengan penyediaan lot premis perniagaan di lokasi strategik untuk usahawan Bumiputera. Buat masa ini, sebanyak **7,271 lot premis perniagaan MARA disediakan dengan kadar pengisian semasa usahawan sebanyak 92% (6,692 lot)** merangkumi lot komersial, arked, bazar dan kawasan industri MARA (KIM) di seluruh Malaysia.

Pecahan kategori premis perniagaan dan perusahaan MARA mengikut negeri adalah seperti berikut:

KATEGORI PREMIS	TERENGGANU		KEDAH		KELANTAN		PERLIS	
	RN	RI	RN	RI	RN	RI	RN	RI
Lot Komersial	47	42	110	97	34	31	58	50
Arked	443	432	286	247	408	381	198	180
Bazar	118	113	284	277	91	86	94	91
Kawasan Industri MARA	24	23	5	5	110	104	20	20
Jumlah	632	610	685	626	643	602	370	341

Nota : RN = Ruang Niaga RI = Ruang Isi

Berikut merupakan jumlah penyewa dan peluang pekerjaan yang diwujudkan dari tahun 2020 sehingga ke 2023 bagi negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu:

NEGERI	TAHUN							
	2020		2021		2022		2023	
	Bil. Penyewa	Peluang Pekerjaan	Bil. Penyewa	Peluang Pekerjaan	Bil. Penyewa	Peluang Pekerjaan	Bil. Penyewa	Peluang Pekerjaan
Kedah	582	619	622	1,886	620	747	626	1,078
Perlis	321	575	338	639	339	659	341	1,004
Kelantan	564	1,073	562	1,305	599	1,517	602	1,609
Terengganu	539	740	571	1,353	595	1,210	610	1,347
JUMLAH	2,006	3,007	2,093	5,183	2,153	4,133	2,179	5,038

- b) Program TRENT telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan bersambung di bawah RMKe-12 dengan kos projek sebanyak RM19,647,946.00 (selepas pindaan).

Program TRENT ini memberi fokus kepada transformasi premis-premis perniagaan MARA berusia melebihi 20 tahun di tiga (3) buah negeri iaitu Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan. Melalui Program TRENT ini premis perniagaan MARA yang telah uzur dinaik taraf ke bangunan yang lebih moden. Pembangunan semula dan menaiktaraf premis perniagaan MARA ini dijangka boleh memberi impak kepada pembangunan setempat di samping dapat meningkatkan pendapatan usahawan serta menaikkan imej MARA sebagai pemilik bangunan berkenaan.

NO SOALAN: 54

Pada ketika ini, terdapat lapan (8) Program TRENT yang telah dilaksanakan seperti di bawah:

BIL	PROJEK TRENT	STATUS PROJEK	BIL LOT
1.	Selandar, Melaka	Projek telah siap sepenuhnya dan beroperasi	4
2.	Merlimau, Melaka		4
3.	Kuala Sg. Baru, Melaka		4
4.	Sg. Pelek, Selangor		12
5.	Bangi, Selangor	Dalam proses mendapatkan CCC	13
6.	Batu Laut, Selangor	Projek dalam pembinaan	6
7.	Nilai, Negeri Sembilan		12

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan mengapakah syarikat telekomunikasi di Malaysia mengenakan caj tambahan kepada pengguna jika hendak beralih ke 5G, memandangkan peralihan daripada 4G ke 5G sepatutnya secara automatik dan tanpa caj serta apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperjuangkan hak rakyat dalam isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat lima syarikat telekomunikasi yang menawarkan perkhidmatan 5G menerusi kaedah rangkaian borong tunggal (*single wholesale network*) yang disediakan oleh Digital Nasional Berhad (DNB). Pelbagai plan 5G ditawarkan kepada pengguna mengikut kesesuaian penggunaan dan gaya hidup.

Pada dasarnya penetapan harga/kadar adalah bersifat komersial berdasarkan kadar pasaran seperti tertakluk di dalam Seksyen 197, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) secara berterusan memantau mekanisme penyampaian perkhidmatan telekomunikasi dari aspek pra-pembelian, semasa pembelian dan pasca-jualan berdasarkan instrumen kawal selia, Kod Amalan Am Pengguna 2022 dan instrumen yang berkaitan.

Syarikat telekomunikasi perlu menyediakan ringkasan maklumat penting dan memaklumkan perkara ini kepada pelanggan dengan sewajarnya. Adalah penting bagi pengguna untuk membuat penelitian dan pertimbangan sewajarnya sebelum membuat keputusan. Antara aspek yang perlu diteliti oleh pengguna dalam sebarang penawaran adalah harga dan caj tambahan, kesesuaian plan berdasarkan keperluan penggunaan, liputan rangkaian dan butiran kontrak.

Surat peringatan telah dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan untuk menyemak semula sebarang bayaran tambahan yang dikenakan kepada pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan 5G. Pemberi perkhidmatan juga diminta memastikan ketersediaan perkhidmatan 5G kepada pengguna yang memiliki peranti. Pemberi perkhidmatan juga diingatkan untuk memastikan pematuhan kepada Kod Amalan Am Pengguna 2022 dalam memastikan kontrak yang adil, maklumat perkhidmatan termasuk kesemua terma dan syarat perkhidmatan utama yang lengkap serta saluran pertikaian yang jelas.

Walaupun penetapan kadar runcit untuk perkhidmatan 5G adalah keputusan komersial dan bertujuan untuk menggalakkan persaingan industri dan mencipta penawaran produk yang pelbagai kepada pengguna, ianya bukan sahaja perlu berorientasikan kos, tetapi dari perspektif pengguna, ia juga harus sepadan dengan faedah tambahan, seperti kuota internet yang ditetapkan oleh pemberi perkhidmatan.

MCMC secara komited terus memantau dan menggesa syarikat telekomunikasi yang masih mengenakan caj ke atas perkhidmatan 5G supaya menyemak semula kadar tersebut agar pengguna tanpa mengira jenis pelan dapat memanfaatkan rangkaian tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bilangan permohonan yang diluluskan oleh Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) melibatkan aktiviti penanaman semula hutan dan aktiviti perlombongan di kawasan hutan simpan di Kelantan bermula tahun 2022 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di Negeri Kelantan, daripada tahun 2022 sehingga kini, sebanyak 73 Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi aktiviti ladang hutan dan 4 Laporan EIA bagi aktiviti perlombongan di kawasan hutan simpan telah mendapat kelulusan Laporan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Kesemua aktiviti ini adalah tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 [Perintah EIA 2015]. Bagi aktiviti perhutanan, ianya diproses berdasarkan Aktiviti 5 (e), Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Perintah EIA 2015 manakala bagi aktiviti perlombongan adalah berdasarkan Aktiviti 8, Jadual Kedua Perintah yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU
HANIFAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan peranan dan tindakan agresif Kementerian bagi mengatasi masalah isu beras dan makanan asas lain yang merosot

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang giat melaksanakan pelbagai langkah intervensi untuk mengatasi isu bekalan beras tempatan. Antara langkah intervensi jangka masa pendek yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah kekurangan BPT adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT), Operasi Jamin (OP JAMIN) iaitu kolaborasi secara strategik dengan KPDN, menguatkuasakan Arahan Had Pembelian Maksimum kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996;
- (ii) melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran tambahan 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa iaitu :

Fasa 1: Pelaksanaan mulai 8 September 2023 melibatkan 5 syarikat pemborong utama; dan

Fasa 2: Pelaksanaan mulai 15 September 2023 melibatkan 103 syarikat pemborong.

- (iii) mengadakan sesi libat urus KPKM bersama Persatuan Restoran Pengusaha Makanan dan Penjaja Kecil pada 15 September 2023. Sesi ini telah mencapai persetujuan untuk memberi tawaran lesen borong kepada pengusaha makanan yang bernaung di bawah

persatuan perniagaan. Melalui lesen borong ini pengusaha makanan dapat menikmati harga belian BPI pada harga borong tetap iaitu RM160/50kg (harga pintu gudang);

- (iv) melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam pengedaran jualan runcit secara langsung melalui platform dan ruang perniagaan yang dimiliki oleh kedua-dua agensi ini yang menyasarkan kawasan luar bandar dan pedalaman; dan
- (v) Selain itu, kementerian telah melaksanakan 4 langkah intervensi tambahan bagi memastikan pengedaran dan bekalan beras putih tempatan terjamin dan stabil seperti berikut:
 - (1) FAMA dan LPP telah diarahkan untuk meningkatkan pengedaran BPT ke kawasan pinggir bandar dan luar bandar termasuk ke kedai-kedai runcit. Peranan FAMA dan LPP dalam langkah intervensi ini hanya bersifat sementara dan bukanlah sebagai pengedar utama BPT di negara ini;
 - (2) semua perolehan pembekalan beras putih tempatan di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI dan pihak pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 per tan metrik (harga pintu gudang) dalam kantung 50kg dan ia tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan;

- (3) menubuhkan Task Force Khas operasi bersepadu OP BPT melibatkan pelbagai agensi yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri KPKM. Manakala bagi Sabah, KPKM turut melaksanakan *Task Force* Khas Bersepadu Penguatkuasaan Operasi Beras Putih Import (OP BPI) turut melibatkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) bagi kawasan pantai timur Sabah. OP BPT Bersepadu ini melibatkan pemeriksaan menyeluruh atas semua peringkat rantai industri termasuk semua kilang beras, pemborong beras dan peruncit;
- (4) dalam konteks Sabah, Labuan dan Sarawak, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan subsidi sebanyak RM950 per tan metrik Beras Putih Import (BPI) mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri ini tidak melebihi RM31 bagi sekampit 10kg. Langkah ini diambil memandangkan pengeluaran BPT di Sabah dan Sarawak adalah terhad;

Antara langkah intervensi jangka masa sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran beras negara adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

Program SMART SBB adalah manifestasi kepada perkara ini di mana kerjasama strategik antara KPKM dan 27 buah Syarikat Peneraju telah menghasilkan beberapa pencapaian menakjubkan meskipun hanya bermula pada tahun 2021. Antaranya ialah rekod proses pemuatan padi serendah 9% berbanding purata industri sebanyak 20% serta lonjakan

penghasilan padi sehingga 150% pada musim pertama penuaian;

(ii) Program SMART SBB Model Ala Sekinchan

Umum mengetahui bahawa kawasan Sekinchan terkenal dengan penghasilan padi melebihi 10 tan metrik per hektar. Dengan penggunaan jentera terkini seperti jentanam dan penggunaan dron pertanian, projek rintis di Kampung Lat 1000, Perlis telah berjaya mengeluarkan hasil padi sebanyak 10.45 tan metrik per hektar, berbanding hasil sebelumnya sebanyak 7.00 tan metrik per hektar sahaja dan di Kampung Gerai, Jertih peningkatan hasil daripada 4.1 tan metrik per hektar kepada 7 tan metrik per hektar.

(iii) Pemerksaan Infrastruktur Pengairan Sawah Padi

Kerajaan akan melaksanakan pembangunan projek pengairan dan saluran sebanyak RM3 bilion melalui kerjasama awam-swasta bagi menjayakan projek penanaman padi lima (5) musim dalam dua (2) tahun berskala besar di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas 231,000 hektar bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan

(iv) Kerjasama Penyelidikan

KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut berkerjasama dengan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dan badan penyelidikan bagi penghasilan benih padi berkualiti yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, tahap toleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan tahan cuaca ekstrem.

Setiap dimensi keterjaminan makanan perlu dititikberatkan bagi memastikan setiap rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga yang berpatutan. Justeru, selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara selaras dengan konsep, *Food Security is a Shared Responsibility*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kerjasama Kementerian dengan agensi bagi menangkis penularan berita palsu terutamanya berkaitan dasar dan polisi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) bersama jabatan dan agensi dibawahnya sentiasa bekerjasama untuk menangkis penularan berita palsu terutamanya berkaitan dasar dan polisi kerajaan. Pelbagai usaha yang telah dan sedang dilaksanakan antaranya ialah melalui:

- (i) langkah advokasi dan kesedaran dengan membangunkan portal untuk semak fakta iaitu Portal Sebenarnya.my yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Portal MyCheck Malaysia yang dibangunkan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) serta penerbitan program bual bicara “Pastikan Sahih” dan segmen “Biar Betul!” di RTM.
- (ii) penghasilan dan hebahan kandungan kreatif antaranya oleh BERNAMA yang telah menghasilkan liputan berkaitan berita palsu melalui platform BERNAMA *wires*, BERNAMA TV dan BERNAMA Radio. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) juga telah menerbitkan Pesanan Khidmat Awam (PKA) bertajuk “Hentikan Sebaran Kandungan Sensitif” dan “Penyebaran Berita Palsu”. Hebahan infografik dan videografik secara berterusan juga dilaksanakan di semua platform media sosial rasmi Jabatan Penerangan (JaPen), RTM dan BERNAMA untuk mendidik masyarakat supaya sentiasa bertanggungjawab dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima;

- (iii) CyberSecurity Malaysia (CSM) melaksanakan program kesedaran keselamatan siber seperti Program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness for Everyone*) untuk mendidik masyarakat Malaysia mengenai kepentingan keselamatan siber serta tatacara penggunaan internet secara positif dan berhemah. CSM juga telah membangunkan Inisiatif Etika Siber Kebangsaan (NCEI) yang merupakan satu inisiatif yang memberi keutamaan kepada pembentukan sahsiah pengguna internet, penerapan nilai murni serta perilaku yang baik, di mana ianya menyatukan etika dan peradaban sikap individu semasa melayari internet dan berkomunikasi di alam siber.
- (iv) Kempen kesedaran oleh MCMC di seluruh negara melalui program Klik Dengan Bijak (KDB) dan sukarelawan yang dilatih di bawah inisiatif Sukarelawan ICT Malaysia [*Malaysia ICT Volunteer (MIV)*]. Kempen ini turut melibatkan golongan warga emas dan remaja di mana mereka didedahkan dengan topik berita palsu dan undang-undang yang berkaitan;
- (v) KKD juga telah menubuhkan *Task Force* Menangani Berita Palsu pada 1 Disember 2022 yang berfungsi bagi memantau berita palsu yang mempunyai kesan negatif terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, agama, budaya, keselamatan dan kedaulatan negara. Dari 1 Disember 2022 hingga 15 November 2023, sebanyak 183 berita yang tidak ditentukan kesahihannya yang melibatkan isu 3R (*Royalty, Race* dan *Religion*) dan YAB Perdana Menteri serta pentadbiran telah dikenal pasti. Pemantauan, tindakan pentadbiran dan tindakan undang-undang diselaraskan oleh pelbagai agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam

Negara Malaysia (AGC). Sebanyak 81 kertas siasatan telah dibuka oleh PDRM berkaitan penyebaran berita palsu dan isu 3R di mana 50 kes telah selesai dan sebanyak 31 kes masih dalam siasatan di peringkat PDRM, AGC dan SKMM.

- (vi) Perundangan sedia ada seperti Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] digunakan untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab yang menyebarkan maklumat-maklumat tidak benar.
- (vii) MCMC dengan penglibatan agensi penguatkuasaan seperti PDRM telah menjalankan beberapa sesi libat urus dengan pihak penyedia platform media sosial utama. Hasil sesi-sesi yang telah dijalankan telah membuka laluan kerjasama antara agensi penguatkuasaan dan pihak penyedia platform media sosial terbabit dalam membantu menangani pelbagai permasalahan penyalahgunaan platform media sosial termasuklah isu penyebaran kandungan/ berita palsu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA MD
RAMLI
TARIKH : 11 DISEMBER 2023

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA MD RAMLI minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Khas berkaitan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) untuk melicinkan usaha pelaksanaannya memandangkan NETR ini merupakan satu inisiatif yang merentasi pelbagai Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menetapkan Industri Berasaskan Peralihan Tenaga sebagai prakarsa mempercepat reformasi struktur ekonomi negara di bawah Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12. Oleh itu, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) telah diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2023 bagi memperkenalkan inisiatif dan projek peralihan tenaga yang selari dengan usaha penstrukturan semula ekonomi negara.

Pengurusan peralihan tenaga yang berkesan memerlukan pendekatan yang dapat mengimbangi trilema tenaga iaitu jaminan bekalan, kemampuan untuk membayar dan kelestarian alam sekitar. Oleh itu, NETR menekankan kepentingan pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation*) melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, industri, masyarakat awam dan komuniti antarabangsa. Ini bagi memastikan peralihan tenaga yang saksama, melindungi rakyat, mencipta peluang dan menyokong inovasi.

Oleh itu, pemantauan pelaksanaan NETR akan dilaksanakan melalui Majlis Tenaga Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan disokong oleh Jawatankuasa Peralihan Tenaga Kebangsaan (NCET) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Ekonomi. Mesyuarat NCET pertama telah bersidang pada 27 November 2023.

NO SOALAN: 59

MTN akan mengemudi hala tuju sektor tenaga negara dan memastikan kebertanggungjawaban yang kukuh oleh pelbagai kementerian dan agensi pelaksana dalam melaksanakan inisiatif NETR.

Sekian, terima kasih.